



PROGRAM TUISYEN RAKYAT SELANGOR

2026

SPM

SAINS

DWIBAHASA



KITASELANGOR



DIKUASAI OLEH:



Menteri Besar Selangor, (Incorporation)

PROGRAM TUISYEN RAKYAT SELANGOR



SPM



SAINS

DWIBAHASA

Program Tuisyen Rakyat Selangor Sains SPM

CIRI-CIRI EKSKLUSIF

- Modul ini dibina mengikut silibus Sains KSSM dan disusun mengikut bab Tingkatan 4 dan 5.
- Modul ini dilengkapi dengan analisis soalan SPM Sains bagi tahun 2023 hingga 2025 yang lebih terperinci mengikut topik atau subtopik.
- Setiap bab mengandungi soalan bagi Kertas 1 (objektif) dan Kertas 2 (bahagian A, B dan C).
- Soalan dibina berdasarkan Format SPM terkini.
- Latihan diberikan merangkumi pelbagai aras yang membolehkan guru mencakupi keperluan murid.
- Guru boleh mempraktikkan kaedah latih tubi berperingkat mahupun latih tubi sendiri kepada murid.
- Bilangan soalan KBAT telah dipertingkatkan bagi meningkatkan kebolehan murid menjawab soalan Sains SPM 2026.
- 1 set Kertas Model SPM dibekalkan di akhir modul.
- Skema jawapan dibekalkan bagi memberi panduan kepada guru dan murid untuk menjawab mengikut kehendak soalan.
- Penggubal modul berpengalaman luas dalam subjek Sains SPM sebagai Jurulatih Utama dan penulis.

Program Tuisyen Rakyat Selangor Sains SPM

PANEL PENULIS

Abdullah bin Hasmam
SAMT Tengku Ampuan Rahimah

Nurlatifah binti Yaamat
SMK Bukit Kuching Tengah

Siti Nor Akmar binti Mohd Jalaludin
SMK Puchong Permai

Tengku Azlin binti Tuan Mohd Zain
SMK Syed Mashor

Effendi bin Sumali
SMK Jugra

Wan Rizalmi bin Wan Hanafi
SMK Dato' Abu Bakar Baginda

KANDUNGAN

Format Instrumen Peperiksaan SPM Sains v

Analisis Soalan SPM 2023-2025 Sains Kertas 2 (1511/2) vi

Teknik Menjawab Soalan Kemahiran Proses Sains (KPS) viii

Tingkatan 4

BAB 1	Langkah Keselamatan di dalam Makmal <i>Safety Measures in the Laboratory</i>	1-9
BAB 2	Bantuan Kecemasan <i>Emergency Help</i>	10-15
BAB 3	Teknik Mengukur Parameter Kesihatan Badan <i>Techniques of Measuring the Parameters of Body Health</i>	16-22
BAB 4	Teknologi Hijau dalam Melestarikan Alam <i>Green Technology for Environmental Sustainability</i>	23-30
BAB 5	Genetik <i>Genetics</i>	31-39
BAB 6	Sokongan, Pergerakan dan Pertumbuhan <i>Support, Movement and Growth</i>	40-48
BAB 7	Koordinasi Badan <i>Body Coordination</i>	49-54
BAB 8	Unsur dan Bahan <i>Elements and Substances</i>	55-61
BAB 9	Kimia Industri <i>Chemicals in Industry</i>	62-68
BAB 10	Kimia dalam Perubatan dan Kesihatan <i>Chemicals in Medicine and Health</i>	69-74
BAB 11	Daya dan Gerakan <i>Force and Motion</i>	75-82
BAB 12	Tenaga Nuklear <i>Nuclear Energy</i>	83-90

Tingkatan 5

BAB 1	Mikroorganisma <i>Microorganisms</i>	91-95
BAB 2	Nutrisi dan Teknologi Makanan <i>Nutrition and Food Technology</i>	96-102
BAB 3	Kelestarian Alam Sekitar <i>Sustainability of the Environment</i>	103-107
BAB 4	Kadar Tindak Balas <i>Rate of Reaction</i>	108-112
BAB 5	Sebatian Karbon <i>Carbon Compounds</i>	113-117
BAB 6	Elektrokimia <i>Electrochemistry</i>	118-122
BAB 7	Cahaya dan Optik <i>Light and Optics</i>	123-126
BAB 8	Daya dan Tekanan <i>Force and Pressure</i>	127-131
BAB 9	Teknologi Angkasa Lepas <i>Space Technology</i>	132-137

Kertas Model SPM Set 1 138-158



FORMAT INSTRUMEN PEPERIKSAAN SPM SAINS

PERKARA	KERTAS 1 (1511/1)	KERTAS 2 (1511/2)
1. Jenis Instrumen	Ujian Bertulis	
2. Jenis Item	Objektif Aneka Pilihan	• Subjektif Berstruktur • Subjektif Respon Terhad • Subjektif Respon Terbuka
3. Bilangan Soalan	40 soalan (40 markah) (Jawab semua soalan)	Bahagian A: • 4 item • 20 markah • Jawab semua soalan Bahagian B: • 6 item • 38 markah • Jawab semua soalan Bahagian C: • 1 item (10 markah) • 2 item (12 markah) (Jawab satu soalan) • 22 markah
4. Jumlah Markah	40 markah	80 markah
5. Konstruk	• Mengingat • Memahami • Mengaplikasi • Menganalisis	• Mengingat • Memahami • Mengaplikasi • Menganalisis • Menilai • Mencipta
6. Tempoh Ujian	1 jam 15 minit	2 jam 30 minit
7. Cakupan Konstruk	Standard kandungan dan standard pembelajaran dalam Dokumen Standarad Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSM (Tingkatan 4 dan Tingkatan 5)	
8. Aras Kesukaran	Rendah : Sederhana : Tinggi 5 : 3 : 2	
9. Kaedah Penskoran	Dikotomus	Analitik
10. Alatan Tambahan	Kalkulator saintifik	

ANALISIS SOALAN SPM 2023-2025

SAINS KERTAS 2 (1511/2)

TINGKATAN 4				
		2023	2024	2025
Bab 1: Langkah Keselamatan dalam Makmal	1.1 Peralatan perlindungan diri			
	1.2 Pembuangan bahan sisa			
	1.3 Pemadam kebakaran			
Bab 2: Bantuan Kecemasan	2.1 Resusitasi Kardiopulmonari			
	2.2 <i>Heimlich Manoeuvre</i>			
Bab 3: Teknik Mengukur Parameter Kesihatan Badan	3.1 Suhu badan			
	3.2 Kadar denyutan nadi		S5: Tekanan darah	
	3.3 Tekanan darah			
	3.4 Indeks Jisim Badan (<i>Body Mass Index, BMI</i>)			
Bab 4: Teknologi Hijau dalam Melestarikan Alam	4.1 Kelestarian alam sekitar	S9: Sektor bangunan		
	4.2 Sektor tenaga			S13: Sektor tenaga
	4.3 Sektor pengurusan sisa dan air sisa		S9: Pengurusan sisa dan air sisa	
	4.4 Sektor pertanian dan perhutanan			
	4.5 Sektor pengangkutan			S13: Sektor pengangkutan
	4.6 Teknologi Hijau dan kehidupan			
Bab 5: Genetik	5.1 Pembahagian sel	S5: Mitosis		
	5.2 Pewarisan			
	5.3 Mutasi			S5: Mutasi kromosom
	5.4 Teknologi kejuruteraan genetik			
	5.5 Variasi			S1: Variasi tak selanjara
Bab 6: Sokongan, Pergerakan dan Pertumbuhan	6.1 Sokongan, pergerakan dan pertumbuhan haiwan		S11: Eksperimen kekuatan tulang	
	6.2 Pergerakan dan pertumbuhan manusia			S10: Sistem rangka manusia
	6.3 Sokongan, pertumbuhan dan kestabilan dalam tumbuhan	S1: Pola pertumbuhan tumbuhan		
Bab 7: Koordinasi Badan	7.1 Sistem endokrin manusia			S12: Pankreas dan insulin
	7.2 Gangguan kepada koordinasi badan		S8: Dadah	
	7.3 Minda yang sihat			
Bab 8: Unsur dan Bahan	8.1 Asas jirim			
	8.2 Jadual Berkala Unsur Moden	S6: Jadual Berkala Unsur		
	8.3 Isotop			
Bab 9: Kimia Industri	9.1 Aloi	S3: Logam tulen dan aloi S8: Keluli	S1: Tahan kakisan	
	9.2 Kaca dan seramik			
	9.3 Polimer	S8: Getah		S4: Kekenyalan getah
Bab 10: Kimia dalam Perubatan dan Kesihatan	10.1 Perubatan tradisional, perubatan moden dan perubatan komplementari			
	10.2 Radikal bebas			S6: Radikal bebas
	10.3 Bahan antioksidan		S3: Pengoksidaan	
	10.4 Produk kesihatan			

Bab 11: Daya dan Gerakan	11.1 Gerakan linear			
	11.2 Graf gerakan linear			
	11.3 Pecutan graviti dan jatuh bebas			
	11.4 Jisim dan inersia	S4: Inersia	S2: Inersia	
Bab 12: Tenaga Nuklear	12.1 Penggunaan tenaga nuklear			
	12.2 Penghasilan tenaga nuklear	S12: Tenaga nuklear		
	12.3 Impak penggunaan tenaga nuklear	S12: Tenaga nuklear		
	12.4 Tenaga nuklear di Malaysia			

TINGKATAN 5				
		2023	2024	2025
Bab 1: Mikroorganisma	1.1 Dunia mikroorganisma	S11: Faktor yang mempengaruhi pertumbuhan mikroorganisma	S6: Fungi (Yis)	S11: Faktor kelembapan
	1.2 Mikroorganisma berfaedah			
	1.3 Pencegahan dan rawatan penyakit yang disebabkan oleh mikroorganisma			
Bab 2: Nutrisi dan Teknologi Makanan	2.1 Gizi seimbang dan nilai kalori	S2: Nilai kalori makanan		S3: Nilai kalori
	2.2 Keperluan nutrien oleh tumbuhan			
	2.3 Kitar nitrogen			
	2.4 Teknologi pengeluaran makanan		S13: Kualiti dan kuantiti pengeluaran makanan	
	2.5 Teknologi pemprosesan makanan		Cont S6: Penapaian	
	2.6 Makanan dan suplemen kesihatan			
Bab 3: Kelestarian Alam Sekitar	3.1 Kitaran hayat produk			
	3.2 Pencemaran alam sekitar	S7: Pencemaran alam sekitar	S4: BOD	S8: Pencemaran alam sekitar
	3.3 Pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar			
Bab 4: Kadar Tindak Balas	4.1 Pengenalan kadar tindak balas			
	4.2 Faktor yang mempengaruhi kadar tindak balas			S2: Kepekatan
	4.3 Aplikasi kadar tindak balas			
Bab 5: Sebatian Karbon	5.1 Pengenalan sebatian karbon			
	5.2 Hidrokarbon		S7: Alkana dan Alkena	
	5.3 Alkohol			S9: Alkohol
	5.4 Lemak	S13: Lemak		
	5.5 Minyak sawit			
Bab 6: Elektrokimia	6.1 Sel elektrolitik			
	6.2 Sel kimia		S12: Sel elektrolisis dan sel kimia	
Bab 7: Cahaya dan Optik	7.1 Pembentukan imej oleh kanta		S10: Kamera dan teleskop	S7: Kanta cembung dan cekung
	7.2 Peralatan optik			
Bab 8: Daya dan Tekanan	8.1 Tekanan dalam bendalir			
Bab 9: Teknologi Angkasa Lepas	9.1 Satelit	S10: Teknologi angkasa lepas		
	9.2 Sistem Penentu Sejagat (GPS)	S10: Teknologi angkasa lepas		

TEKNIK MENJAWAB SOALAN KEMAHIRAN PROSES SAINS (KPS)

Bil.	KPS	Cara menulis jawapan												
1	Pemerhatian/ Perbandingan Tips: - Apa yang dilihat/ ada kaitan dengan PB. - Tidak boleh tulis nombor. - Jawapan mesti yang dapat dilihat/ ditengok/ diperhati daripada jadual/ rajah/ keputusan eksperimen. - Tengok/ lihat/ perhati pada jadual/ rajah/ maklumat yang diberi. - Cari PB/ hasil eksperimen dalam jadual/ rajah.	Mulakan ayat dengan PM1 PB manakala/ daripada/ berbanding PM2. Contoh: - Hirisan epal di dalam air suling menjadi perang manakala hirisan epal di dalam jus oren tiada perubahan. - Individu berumur 1 tahun mempunyai kadar denyutan nadi lebih tinggi daripada individu berumur 50 tahun.												
2	Inferens/ nyatakan alasan kepada pemerhatian/ terangkan pemerhatian Tips: - Berikan sebab/ penjelasan kepada pemerhatian. - Perbezaan pada PM. - Menghubungkan pemerhatian dengan teori/ konsep sains - Pemerhatian + kerana + alasan (PM/ Teori/ Konsep Sains)	Mulakan ayat pemerhatian + kerana + alasan (rujuk pada klu soalan). Contoh: - Hirisan epal di dalam air suling menjadi perang kerana proses pengoksidaan berlaku pada permukaan hirisan epal. - Individu berumur 1 tahun mempunyai kadar denyutan nadi lebih tinggi kerana individu ini lebih aktif dan bertenaga.												
	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Pemerhatian</th><th></th><th>Inferens/ Teori/ Konsep</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Bubur nutrien menjadi keruh</td><td rowspan="4">kerana</td><td>ada pertumbuhan bakteria.</td></tr> <tr> <td>Luas kawasan jernih terbentuk/ lebih besar</td><td>tiada pertumbuhan bakteria/ bakteria mati.</td></tr> <tr> <td>Lateks menggumpal</td><td>kehadiran ion positif pada asid.</td></tr> <tr> <td>Air kapur menjadi keruh</td><td>kehadiran gas karbon dioksida</td></tr> </tbody> </table>	Pemerhatian		Inferens/ Teori/ Konsep	Bubur nutrien menjadi keruh	kerana	ada pertumbuhan bakteria.	Luas kawasan jernih terbentuk/ lebih besar	tiada pertumbuhan bakteria/ bakteria mati.	Lateks menggumpal	kehadiran ion positif pada asid.	Air kapur menjadi keruh	kehadiran gas karbon dioksida	
Pemerhatian		Inferens/ Teori/ Konsep												
Bubur nutrien menjadi keruh	kerana	ada pertumbuhan bakteria.												
Luas kawasan jernih terbentuk/ lebih besar		tiada pertumbuhan bakteria/ bakteria mati.												
Lateks menggumpal		kehadiran ion positif pada asid.												
Air kapur menjadi keruh		kehadiran gas karbon dioksida												
3	Hipotesis Tips: - Semakin ... PM, semakin ... PB - Jika PM, maka PB - Ayat Penyata: PM, PB	Hubungan antara PM dan PB. PM/ PB ada pola/ nombor. Tips: Semakin ... PM, semakin ... PB Petunjuk: ... : bertambah/ meningkat/ tinggi/ berkurang/ rendah/ kecil Contoh: - Semakin kecil saiz marmar, semakin tinggi kadar tindak balas. PM/ PB tiada pola/ nombor. Tips: Jika PM, maka PB Contoh: - Jika hirisan epal direndam di dalam air suling, maka perubahan warna hirisan epal menjadi perang.												
		Dalam bentuk pernyataan. Contoh: - Wanita mempunyai kadar denyutan nadi lebih tinggi daripada lelaki. - Tulang berongga lebih kuat daripada silinder padat.												
4	Hubungan Tips: Boleh ditulis seperti hipotesis	Melibatkan antara PM dan PB (rujuk soalan) Contoh: - Semakin kecil saiz marmar, semakin tinggi kadar tindak balas. - Semakin bertambah jisim pemberat, semakin bertambah tempoh ayunan.												

5	Pemboleh ubah Tips: - Pemboleh ubah dimanipulasikan: PM - Pemboleh ubah bergerak balas: PB - Pemboleh ubah bergerak balas/ Konsep: PB/K - Pemboleh ubah bergerak balas/ Nampak: PB/N - Pemboleh ubah dimalarkan: PDm	Parameter + bahan. Contoh: - Jenis warna - Jenis rod - Jisim logam - Jisim air Pemboleh ubah TANPA PARAMETER. Contoh: - Inersia - Tekanan - Suhu - Masa - Umur Contoh PB/N: - Kekeruhan bubur nutrien - Bilangan daun - Saiz akar anak pokok - Bilangan buku teks yang boleh disokong Contoh PB/K: - Pertumbuhan bakteria - Pertumbuhan anak benih - Kadar tindak balas - Ketahanan kakisan - Kekerasan logam
6	Faktor yang diubah/ diganti/ ditukar/ dikaji = PM	Apa yang diubah/ berbeza? Contoh: - Umur - Tahap kebersihan jari tangan - Suhu - Nilai pH - Jenis silinder
7	Cara mengawal faktor yang diubah/ diganti/ ditukar/ dikaji Tips: Rujuk PM	Mulakan ayat: Kata kerja (KK) + (bil) PM + yang berbeza + iaitu ... Contoh: - Menggunakan 2 umur yang berbeza iaitu 2 tahun dan 18 tahun. - Menggunakan 3 suhu yang berbeza iaitu suhu 5°C, 37°C dan 78°C.
8	Faktor yang diperhati/ dilihat = PB/N	Apa yang diperhati/ Apa hasil eksperimen? Contoh: - Bilangan buku teks yang boleh disokong - Masa untuk mengumpul 30 cm³ gas
9	Cara mengawal faktor yang diperhati/ dilihat Tips: Rujuk PB/N	Mulakan ayat: Kata kerja (KK) + PB/N dengan menggunakan (sekiranya ada radas) ... Contoh: - Mengira bilangan buku teks yang boleh disokong - Merekodkan masa untuk mengumpul 30 cm³ gas dengan menggunakan jam randik.
10	Faktor yang dikawal/ ditetapkan = PDm	Apa yang digunakan sama sepanjang eksperimen? Contoh: - Isi padu asid hidroklorik - Isi padu agar-agar nutrien - Jenis epal
11	Cara mengawal faktor yang dikawal/ ditetapkan = Langkah berjaga-jaga Tips: Rujuk PDm	Mulakan ayat: Kata kerja (KK) + PDm + yang sama Contoh: - Menggunakan isi padu asid hidroklorik yang sama - Menggunakan kepekatan asid hidroklorik yang sama
12	Ramalkan/ Apakah nilai bacaan jika Tips: Elakkan berikan jawapan: - Kurang daripada ... - Lebih daripada ... - Antara 30 – 40	Perlu nyatakan dalam bentuk angka/ nombor. Contoh: 110 bpm 45.00 cm³
13	Tujuan eksperimen	Mulakan ayat: Untuk mengkaji hubungan antara PM dan PB Contoh: - Untuk mengkaji hubungan antara jisim pemberat dan tempoh ayunan. - Untuk mengkaji hubungan antara jenis larutan dan pengoksidaan buah epal.
14	Pernyataan masalah	Mulakan ayat: Adakah PM mempengaruhi PB? Contoh: - Adakah kesan suhu mempengaruhi kadar tindak balas? - Adakah jenis silinder mempengaruhi bilangan buku teks yang boleh disokong?

15	Jangkaan pemerhatian Tips: Perlu membina jadual bersama keputusan.	Contoh: <table><tr><td>Jenis silinder</td><td>Bilangan buku teks yang boleh disokong</td></tr><tr><td>Padat</td><td>15</td></tr><tr><td>Berongga</td><td>35</td></tr></table> <table><tr><td>Jenis aktiviti fizikal</td><td>Kadar denyutan nadi</td></tr><tr><td>Berehat</td><td>68</td></tr><tr><td>Berjalan</td><td>78</td></tr><tr><td>Berlari</td><td>120</td></tr></table>	Jenis silinder	Bilangan buku teks yang boleh disokong	Padat	15	Berongga	35	Jenis aktiviti fizikal	Kadar denyutan nadi	Berehat	68	Berjalan	78	Berlari	120
Jenis silinder	Bilangan buku teks yang boleh disokong															
Padat	15															
Berongga	35															
Jenis aktiviti fizikal	Kadar denyutan nadi															
Berehat	68															
Berjalan	78															
Berlari	120															
16	Definisi secara operasi (DSO) Tips: Formula 7 langkah	Mulakan ayat: 1 – Salin subjek yang ditanya 2 – ialah 3 – 1 patah perkataan (parameter yang sesuai) 4 – yang menyebabkan/ yang menghasilkan/ yang ditunjukkan 5 – PB/N (keputusan/ hasil/ pemerhatian eksperimen) 6 – apabila 7 – terangkan operasi/ prosedur secara ringkas (guna kata kerja). Contoh: Kadar tindak balas ialah nilai/ ukuran/ kadar yang menyebabkan masa untuk mengumpul 30.00 cm³ lebih singkat apabila serbuk zink bertindak balas dengan asid hidroklorik.														

Parameter yang sesuai bagi DSO

DSO bagi	Parameter
Aloi/ Keluli/ Gangsa/ Logam tulen/ Kuprum/ Paku besi	Bahan
Bahan antioksidan/ Larutan garam/ Antibiotik/ Antibiotik berkepekatan tinggi/ Antibiotik berkepekatan rendah/ Penisilin/ Air suling/ Agar-agar nutrien steril/ Agar-agar tanpa nutrien steril/ Larutan kultur lengkap/ Larutan kultur tanpa natrium/ Larutan kultur tanpa fosforus/ Larutan kultur tanpa kalium/ Air kurang tercemar/ Air tercemar/ Alkohol/ Lateks/ Asid/ Alkali/ Getah asli/ Getah tervulkan/ Minyak kelapa sawit/ Sel kimia ringkas/ Silinder berongga/ Silinder padat/ Bahan atom/ Bahan ion/ Sel kimia/ Kanta cembung	Bahan
Pertumbuhan tumbuhan/ Pertumbuhan anak benih/ Pertumbuhan bakteria/ Pertumbuhan fungi// kulat/ Pengaloian/ Pengaratan/ Pempvulkan/ Pempolimeran/ Kakisan/ Pengoksidaan/ Pencemaran air/ Elektrolisis/ Keterlarutan etanol/ Pembakaran etanol/ Pengesteran/ Penapaian	Proses
Kadar denyutan nadi/ Kekuatan tulang/ Nilai kalori/ Tekanan/ Kadar tindak balas/ Halaju/ Pecutan/ Nilai voltan	Ukuran/ Bacaan/ Nilai/ Kadar
Pecutan/ Tarikan graviti	Daya tarikan
Jatuh bebas/ Bukan jatuh bebas	Gerakan
Bakteria/ Kulat/ Fungi	Mikroorganisma
Prinsip Pascal/ Prinsip Bernoulli	Prinsip
Kekuatan silinder	Sifat/ Ciri
Inersia/ Tekanan/ Suhu/ Denyutan nadi/ Tarikan graviti	Keadaan
Panjang fokus	Ukuran/ Jarak

BAB

1

Langkah Keselamatan di dalam Makmal

Safety Measures in the Laboratory

NOTES



VIDEO PEMBELAJARAN



NOTA EFEKTIF

1.1 Peralatan Perlindungan Diri

1 Peralatan perlindungan diri

- Gogal
 - Melindungi mata daripada bahan kimia.
- Topeng muka
 - Melindungi hidung dan mulut daripada terhidu bahan kimia.
- Sarung tangan (daripada getah)
 - Melindungi tangan daripada bahan kimia.
- Baju makmal
 - Melindungi kerosakan pada pakaian.
- Kasut bertutup/ kasut keselamatan
 - Melindungi kaki daripada terkena tumpahan bahan kimia.


2 Peralatan perlindungan diri di makmal

- Kabinet aliran laminar
 - Untuk mengelakkan kontaminasi semasa aktiviti mikrobiologi.
- Kebuk wasap
 - Untuk menjalankan eksperimen yang menggunakan bahan yang mudah meruap, mudah terbakar, beracun, mengakis dan berbau.
- Pembilas mata
 - Untuk membas dan mencuci mata yang terkena bahan kimia dengan segera.
- Penyiram kecemasan
 - Untuk membersihkan dan membas bahagian badan atau pakaian yang terkena bahan kimia dengan segera.

1.2 Pembuangan Bahan Sisa

1 Definisi **bahan sisa**: Bahan yang digunakan **selepas** eksperimen dan perlu dibuang.

2



- 3 Definisi **sisa biologi**: Bahan buangan biologi yang boleh menimbulkan kemudaratan/ bahaya biologi.
- 4 Contoh: Bahan kumuh, tisu, bangkai, medium kultur, bekas plastik, kaca dan sarung tangan.
- 5 Diuruskan menggunakan **Prosedur Operasi Standard (POS)**.
- 6 Definisi **Prosedur Operasi Standard (POS)**: Prosedur yang digunakan bagi tujuan mengurus sisa biologi makmal.
- 7 Kategori bahan sisa adalah seperti jadual berikut:

Kategori	Contoh	Cara melupuskan
A (peralatan tajam)	- Picagari - Jarum - Bilah skalpel	- Masukkan dalam bekas khas (bekas sisa tajam) - Tidak diautoklaf - Bekas disimpan di tempat selamat sebelum dilupuskan
B (peralatan tidak tajam)	- Sarung tangan - Tisu - Medium kultur	- Bungkus dalam beg plastik biobahaya/ biohazard - Diautoklaf - Dimasukkan ke dalam tong biobahaya
C (bangkai, organ)	- Haiwan makmal - Haiwan uji kaji - Bangkai tikus	- Dibalut dalam bahan penyerap (kertas tisu) - Dibungkus dalam beg plastik biobahaya - Disejuk beku sebelum dilupuskan
D (cecair)	- Darah - Serum	- Dinyahkontaminasi secara autoklaf - Dilupuskan secara terus dalam sistem kumbahan (singki makmal atau tandas)

*Autoklaf (suhu 121 °C, tekanan 15 psi selama 20 minit)

- 8 Langkah mengurus kemalangan di dalam makmal


Situasi 1: Tertumpah bahan kimia	Situasi 2: Termometer jatuh/ pecah	Situasi 3: Bomba menguruskan tumpahan merkuri	Situasi 4: Mata terkena bahan kimia
- Beritahu guru/ pembantu makmal - Jadikan kawasan tumpahan – kawasan larangan - Sekat tumpahan dengan pasir - Kaut tumpahan bahan kimia - Buang dengan selamat	- Beritahu guru/ pembantu makmal - Jadikan kawasan tumpahan – kawasan larangan - Tabur serbuk sulfur – menutupi tumpahan - Hubungi Bomba	- Jadikan kawasan tumpahan – kawasan larangan - Tabur serbuk sulfur – menutupi tumpahan - Kaut semua hasil tumpahan dan letakkan ke dalam beg biobahaya	- Beritahu guru/ pembantu makmal - Pergi ke arah pembilas mata - Bilas mata dengan air yang banyak

- 9 Contoh kemalangan di dalam makmal
- Terkena serpihan kaca
 - Terkena asid/ alkali pekat
 - Kebakaran kecil
 - Terkena serpihan hasil tindak balas logam reaktif
 - Termometer pecah
 - Kebocoran gas
 - Renjatan elektrik

1.3 Pemadam Kebakaran

1 Definisi: Sejenis alat yang digunakan untuk mengawal/ memadamkan kebakaran.

2




3 Jenis kebakaran dan jenis alat pemadam kebakaran yang digunakan

Jenis kebakaran	Penerangan	Jenis alat pemadam kebakaran
Kelas A	Pepejal (kecuali logam)	A, B, S
Kelas B	Cecair (petrol, kerosin, diesel, varnis)	B, C, S
Kelas C	Gas (LPG, LNG, oksigen)	C, S
Kelas D	Logam (magnesium, aluminium, natrium, kalium)	S
Kelas E	Peralatan Elektrik	C, S
Kelas F	Fat (lemak)/ minyak masak	C, S

[Nota: A = Air, B = Buih, C = CO₂, S = Serbuk kering]

4 Kaedah penggunaan alat pemadam kebakaran (TA HA TE RA)





LATIHAN INTENSIF

Kertas 1

- 1 Rajah 1 menunjukkan peralatan perlindungan diri yang dipakai oleh seorang pelajar.
Diagram 1 shows the personal protective equipment worn by a student.




Rajah 1/ Diagram 1

Apakah yang dapat dihalang dengan memakai X?

What can be prevented by using X?

- A Keracunan melalui udara.
Poisoning through air.
- B Melecur.
Burnt.
- C Kerosakan pakaian.
Cloth damage.
- D Kecederaan anggota badan.
Body injury.
- 2 Tindakan manakah yang betul semasa mengendalikan peralatan perlindungan diri?
Which action is correct while using personal protection equipment?
- A Menjalankan eksperimen melibatkan bahan kimia mudah meruap dalam kabinet aliran laminar.
Carries out experiment involving volatile chemical substances inside a laminar flow cabinet.
- B Mencuci bahan kimia yang terkena mata menggunakan penyiram keselamatan.
Washes chemical substances that come into contact with the eyes using a safety shower.
- C Mencuci pakaian dan bahagian badan yang terkena bahan kimia menggunakan air paip di singki makmal.
Washes clothes and body part that are in contact with chemical substances using tap water at the sink in the laboratory.
- D Mencampurkan bahan kimia yang mengakis di dalam kebuk wasap.
Mixes corrosive chemical substances inside a fume chamber.

- 3 Rajah 2 menunjukkan sejenis bahan sisa biologi.
Diagram 2 shows a type of biological waste substances.




Rajah 2/ Diagram 2

Antara berikut, yang manakah betul tentang bahan sisa itu?

Which of the following is correct about the waste substance?

	Kategori bahan sisa <i>Category of waste substance</i>	Cara pengurusan pelupusan <i>Method of disposal</i>
A	Kategori A <i>Category A</i>	Dinyahkontaminasi secara autoklaf <i>Decontaminated through autoclave</i>
B	Kategori A <i>Category A</i>	Disimpan di dalam bekas khas <i>Kept in a special container</i>
C	Kategori B <i>Category B</i>	Dinyahkontaminasi secara autoklaf <i>Decontaminated through autoclave</i>
D	Kategori B <i>Category B</i>	Disimpan di dalam bekas khas <i>Kept in a special container</i>

- 4 Rajah 3 menunjukkan sebuah peralatan perlindungan diri di dalam makmal.
Diagram 3 shows a personal protective equipment in a laboratory.




Rajah 3/ Diagram 3

Apakah nama peralatan tersebut?

What is the name of the equipment?

- A Kabinet aliran laminar
Laminar flow cabinet
- B Penyiram kecemasan
Safety shower
- C Pembilas mata
Eyewash station
- D Kebuk wasap
Fume chamber

- 5 Asid manakah yang boleh dibuang ke dalam singki makmal setelah selesai digunakan?
Which acid can be disposed in a laboratory sink after use?



- 6 Antara bahan buangan berikut, yang manakah adalah kategori C di bawah Prosedur Operasi Standard (POS) bagi pelupusan sisa biologi?
Which of the following wastes is category C under the Standard Operating Procedure (SOP) for biological waste disposal?

- A Darah
Blood
- B Tisu
Tissue
- C Bilah skalpel
Scalpel blade
- D Haiwan makmal
Lab animals

- 7 Antara berikut, yang manakah kategori bahan sisa bagi sarung tangan?
Which of the following is the category of waste for gloves?

- A Kategori A
Category A
- B Kategori B
Category B
- C Kategori C
Category C
- D Kategori D
Category D

- 8 Rajah 4 menunjukkan satu bahan sisa biologi.
Diagram 4 shows a biological waste substance.



Rajah 4/ Diagram 4

Antara bahan sisa biologi berikut, yang manakah mempunyai prosedur pelupusan sisa sama seperti Rajah 4?

Among the following biological waste substance, which has the same waste disposal procedure as Diagram 4?

- A Haiwan uji kaji
Experimental animals
- B Medium kultur
Culture medium
- C Picagari
Syringe
- D Darah
Blood

- 9 Padanan yang manakah betul?
Which pair is correct?

Kategori <i>Category</i>	Bahan sisa biologi <i>Biological waste substance</i>
A	Darah <i>Blood</i>
B	Picagari <i>Syringe</i>
C	Haiwan uji kaji <i>Experimental animals</i>
D	Medium kultur <i>Culture medium</i>

- 10 Maklumat berikut menerangkan cara pelupusan sejenis bahan sisa biologi.

The following information explains the disposal method for a type of biological waste.

- Dibungkus dan dimasukkan ke dalam beg plastik biobahaya.
Packaged and placed in biohazard plastic bags.
- Dinyahkontaminasi secara autoklaf dan dimasukkan ke dalam tong sampah biobahaya.
Decontaminated by autoclave and placed in biohazard bins.


Apakah jenis bahan sisa biologi tersebut?

What is the type of biological waste?

- A Picagari
Syringe
- B Haiwan makmal
Lab animal
- C Darah
Blood
- D Medium kultur
Culture medium

- 11 Rajah 5 menunjukkan satu situasi yang berlaku di dalam makmal.

Diagram 5 shows a situation that happened in the laboratory.



Rajah 5/ Diagram 5

Apakah perkara yang perlu dilakukan untuk mengendalikan situasi tersebut?

What needs to be done to manage the situation?

A Menggunakan sabun untuk membersihkan tumpahan itu.

Use soap to clean the spill.

B Menggunakan air untuk membersihkan tempat itu.

Use water to clean the area.

C Menabur serbuk sulfur untuk menutupi tumpahan itu.


Sprinkle with sulphur powder to cover the spill.

D Lap dengan menggunakan kain basah.

Wipe with wet cloth.

12 Rajah 6 menunjukkan sebuah alat pemadam kebakaran.

Diagram 6 shows a fire extinguisher.



Rajah 6/ Diagram 6

Antara berikut, yang manakah sesuai menggunakan alat pemadam kebakaran tersebut?

Which of the following uses this fire extinguisher?

A Kebakaran melibatkan peralatan elektrik.

Fire involving electrical appliances.

B Kebakaran melibatkan kayu dan kertas.

Fire involving woods and papers.

C Kebakaran melibatkan logam.

Fire involving metals.

D Kebakaran melibatkan wap.

Fire involving steam.

13 Apakah warna label pada alat pemadam kebakaran jenis buih?

What is the colour of the label on a foam fire extinguisher?

A Hitam

Black

B Merah

Red

C Biru

Blue

D Krim

Cream

14 Apakah jenis alat pemadam dengan warna label biru?

What is the type of fire extinguisher with blue label?

A Air

Water

B Buih

Foam

C Serbuk kering

Dry powder

D Karbon dioksida

Carbon dioxide

VIDEO ULASAN
JAWAPAN



Soalan 17

15 Apakah jenis kebakaran yang melibatkan gas seperti LPG dan LNG?

What types of fires involve gases such as LPG and LNG?

A Kelas A

Class A

B Kelas C

Class C

C Kelas D

Class D

D Kelas F

Class F

16 Rajah 7 menunjukkan satu alat pemadam kebakaran.

Diagram 7 shows a fire extinguisher.



Rajah 7/ Diagram 7

Antara pernyataan berikut, yang manakah betul berkaitan alat tersebut?

Which of the following statement is correct regarding the tool?

A Menyerap minyak yang tumpah

Absorbs spilled oil

B Membalut luka akibat kebakaran

Dressing wounds caused by fire

C Memadamkan api kecil pada badan

Puts out a small fire in the body

D Melindungi mangsa daripada asap kebakaran

Protect victims from fire smoke

17 Maklumat berikut menunjukkan langkah langkah menggunakan alat pemadam kebakaran.

The following information shows the steps to use a fire extinguisher.

P – Tekan pemicit atas alat pemadam kebakaran.

Squeeze the handle on the top of the fire extinguisher.

Q – Halakan muncung alat pemadam kebakaran ke pangkal api.

Aim the nozzle of the fire extinguisher at the base of the fire.

R – Tanggalkan pin keselamatan dan pastikan alat kebakaran ditegakkan.

Remove the safety pin and make sure the fire extinguisher is in place.

S – Ratakan semburan ke seluruh sumber api dengan menggerakkan muncungnya dari sisi ke sisi.

Spread the spray over the entire fire source by moving the nozzle from side to side.

Susun kaedah penggunaan alat pemadam kebakaran dengan betul.

Arrange the method of using fire extinguishers correctly.

A Q, R, P, S

B R, P, S, Q

C Q, P, S, R

D R, Q, P, S

Menguasai


Tidak Menguasai

Kertas 2

Bahagian B

- 1 Rajah 1 menunjukkan seorang murid menjalankan suatu eksperimen di dalam makmal.

Diagram 1 shows a student conducts an experiment in the laboratory.



Rajah 1/ Diagram 1

Berdasarkan Rajah 1,
Based on Diagram 1,

- (a) nyatakan **satu** peralatan perlindungan diri yang dipakai oleh murid itu.
*state **one** personal protective equipment used by the student.*

[1 markah/mark]

- (b) Sekiranya bahan tersebut terpercik pada matanya, apakah langkah pertama yang perlu diambil oleh murid tersebut?
If the substance is splashed in her eyes, what is the first step the student should take?

[1 markah/mark]

- (c) Setelah selesai eksperimen, cadangkan satu cara untuk membuang bahan sisa tersebut.
After completing the experiment, suggest a way to dispose the waste substance.

[1 markah/mark]

- (d) Nyatakan **satu** kesan sekiranya murid itu membuang bahan sisa ke dalam singki.
*State **one** effect if the student disposed the waste substance into the sink.*

[1 markah/mark]


- (e) Sebelum melakukan eksperimen tersebut, rakannya telah menumpahkan larutan ammonia pekat di atas meja. Terangkan langkah-langkah untuk menguruskan kemalangan itu.

Before doing the experiment, her friend had spilled a concentrated ammonium solution on the table. Explain the steps to manage the accident.

[2 markah/marks]

- 2 Rajah 2 menunjukkan keadaan singki makmal yang tersumbat.

Diagram 2 shows the condition of the laboratory sink that is clogged.



Rajah 2/ Diagram 2

- (a) Berdasarkan Rajah 2,
Based on Diagram 2,
(i) nyatakan punca situasi tersebut berlaku.
state the cause of the situation that occurred.

[1 markah/mark]

- (ii) berikan **dua** contoh bahan yang dinyatakan di (a)(i).
*give **two** examples of the materials mentioned in (a)(i).*

[2 markah/marks]

- (b) Maklumat berikut menunjukkan cara pelupusan bahan sisa mengikut Prosedur Operasi Standard.

The following information shows the method of waste disposal according to the Standard Operating Procedure.

Bahan sisa kategori D perlu dinyahkontaminasi secara autoklaf sebelum dilupuskan secara terus ke dalam singki makmal.

Category D waste must be decontaminated by autoclaving before being disposed of directly into the laboratory sink.

- (i) Nyatakan kaedah nyahkontaminasi secara autoklaf.
State the autoclave decontamination method.

[1 markah/mark]

- (ii) Berdasarkan maklumat tersebut, nyatakan kesan sekiranya bahan sisa tersebut tidak dinyahkontaminasi sebelum dilupuskan.
Based on the information, state the consequences if the waste material is not decontaminated before disposal.

[2 markah/marks]

- 3 Rajah 3 menunjukkan kualiti yang berisi minyak masak sedang terbakar.
Diagram 3 shows a frying pan containing cooking oil is on fire.



Rajah 3/ Diagram 3

- (a) Jelaskan jenis kebakaran yang ditunjukkan.
Explain the type of fires shown.

[2 markah/marks]

- (b) Namakan **dua** jenis alat pemadam kebakaran yang sesuai digunakan dalam situasi ini.
Name two types of fire extinguisher that are suitable to be used in this situation.


[2 markah/marks]

- (c) Suri rumah dinasihatkan untuk tidak menggunakan air untuk memadam kebakaran bagi situasi yang sama seperti dalam Rajah 3. Terangkan mengapa.
Housewives are advised to not use water to put out fires in the same situation as in Diagram 3. Explain why.

[2 markah/marks]

- 4 Rajah 4 menunjukkan dua jenis alat pemadam kebakaran.

Diagram 4 shows two types of fire extinguishers.



Rajah 4/ Diagram 4

- (a) Namakan alat pemadam kebakaran
Name the fire extinguisher

P: _____

Q: _____

[2 markah/marks]

- (b) Kebakaran kecil yang melibatkan minyak masak telah berlaku di kantin sekolah. Berdasarkan Rajah 4, pilih satu alat pemadam kebakaran yang sesuai untuk memadamkan kebakaran tersebut dan terangkan.
Small fire involving cooking oil has occurred in the school canteen. Based on Diagram 4, choose one suitable fire extinguisher to put out the fire and explain.

Pilihan/ Choice: _____

Alasan/ Reason: _____


[2 markah/marks]

- (c) Kebakaran kecil boleh dipadamkan dengan mudah jika kita tahu cara untuk mencipta alat pemadam kebakaran ringkas di rumah. Anda dibekalkan dengan cuka, serbuk penaik, tali dan botol plastik 1.5 L. Bina sebuah alat pemadam kebakaran ringkas daripada bahan-bahan tersebut.

A small fire can be easily extinguished if we know how to create a simple fire extinguisher at home. You are provided with vinegar, baking soda, string, and a 1.5 L plastic bottle. Build a simple fire extinguisher using the materials.

Lakarkan dan label alat pemadam kebakaran anda di dalam ruangan yang disediakan.

Draw and label your fire extinguisher in the space provided.



Terangkan konsep rekaan anda.

Explain the concept of your design.

[3 markah/marks]

BAB
2

Bantuan Kecemasan Emergency Help


NOTES




VIDEO
PEMBELAJARAN

NOTA EFEKTIF

2.1 Resusitasi Kardiopulmonari (CPR)



2.2 Heimlich Manoeuvre (HM)



Banding dan beza

CPR	Persamaan	HM
- Kedua-duanya bantuan kecemasan. - Kedua-duanya memberikan oksigen kepada mangsa.		
CPR	Perbezaan	HM
Tidak memberikan respons/ tiada denyutan nadi	Contoh situasi	Tidak boleh bercakap/ batuk/ memegang leher dengan kedua-dua tangan
Periksa respons mangsa (RONALDO)	Langkah pertama	Berdiri di belakang mangsa, bongkokkan sedikit badan mangsa (BUDAK)
Tidak sedar	Keadaan mangsa	Sedar



LATIHAN INTENSIF

Kertas 1

Tingkatan 4

- 1 Apakah yang dimaksudkan dengan resusitasi kardiopulmonari, CPR?

What is meant by cardiopulmonary resuscitation, CPR?

- A Teknik menghembuskan udara ke dalam mulut mangsa.

The technique of blowing air into the victim's mouth.

- B Teknik menekan dan menyentak badan mangsa ke atas dari belakang.

The technique of pressing and jerking the victim's body upward from behind.

- C Bantuan kecemasan yang melibatkan gabungan teknik tekanan dada dan hembusan udara ke mulut.

Emergency help involves the combination of chest compressions technique and blowing air into the mouth.

- D Bantuan kecemasan yang dilakukan untuk menyelamatkan mangsa yang tercekik.

Emergency help that performed to save victim from choking.

- 2 Antara situasi berikut, yang manakah memerlukan CPR?

Which of the following situations may require CPR?

- A Demam B Tercekik tulang

Fever Bone choke

- C Renjatan elektrik D Kulit terbakar

Electric shock Burn skin

- 3 Apakah langkah pertama sebelum memulakan CPR?

What is the first step before starting CPR?

- A Menghubungi pihak hospital

Contacting the hospital

- B Menekan dada mangsa segera

Immediately pressing the victim's chest

- C Memeriksa tindak balas mangsa

Checking the victim's response

- D Memberikan minuman kepada mangsa

Giving the victim a drink

- 4 Seorang remaja melihat seorang lelaki memegang dada seperti dalam Rajah 1.

A teenager sees a man holding a chest as shown in Diagram 1.



Rajah 1/ Diagram 1

Apakah langkah pertama yang perlu dilakukan oleh remaja itu?

What is the first step that the teenager needs to take?

- A Lakukan kaedah CPR dengan segera.

Perform CPR immediately.

- B Lakukan kaedah Heimlich Manoeuvre dengan segera.

Perform the Heimlich Manoeuvre immediately.

- C Tanya keadaan lelaki itu dan minta bantuan dengan menghubungi talian kecemasan.

Ask about the man's condition and ask for help by calling the emergency helpline.

- D Terus beredar ke tempat lain.

Go somewhere else.

- 5 Mengapakah bahagian tengah dada ditekan menggunakan tapak tangan semasa melakukan CPR?

Why is the centre of the chest is pressed with the palm of the hand while performing CPR?

- A Supaya jantung dapat mengepam darah dan menghasilkan peredaran darah.

So that the heart can pump blood and produce blood circulation.

- B Supaya makanan yang tersekat di saluran pernafasan tertolak keluar.

So that food stuck in the respiratory tract is pushed out.

- C Supaya udara beroksigen dipaksa masuk ke dalam peparu.

So that the oxygenated air is forced into the lungs.

- D Melancarkan aliran darah untuk membawa lebih banyak oksigen ke otak.

Increase blood flow to bring more oxygen to the brain.

- 6 Aidil hendak menyelamatkan seorang mangsa yang lemas. Dia tidak dapat mengesan denyutan nadi dan menggunakan kaedah CPR bagi membantu mangsa tersebut. Apakah langkah yang perlu dilakukan untuk membantu peredaran darah di dalam badan mangsa?

Aidil wants to save a drowning victim. He was unable to detect the pulse and used CPR procedures to help the victim. What is the step that needs to be done to help blood circulation in the victim's body?

- A Tekanan dada

Chest compressions

- B Bantuan pernafasan mulut ke mulut

Mouth-to-mouth resuscitation

- C Mengiringkan badan mangsa

Put the victim's body on his side

- D Membuka saluran pernafasan

Open the airway

- 7 Berapakah kedalaman tekanan dada yang disarankan semasa melakukan CPR pada orang dewasa?

What is the recommended chest compression depth when performing CPR on an adult?

- A 1 – 2 cm B 3 – 4 cm
C 5 – 6 cm D 7 – 8 cm

- 8 Antara berikut, yang manakah betul mengenai kaedah CPR dan Heimlich Manoeuvre?

Which of the following is correct about CPR and Heimlich Manoeuvre?

	CPR	Heimlich Manoeuvre
A	Tekan dan sentak badan mangsa dengan kuat dan cepat <i>Press and jerk the victim's body tightly and quickly</i>	Tekan dada mangsa ke bawah tidak lebih dari 6 cm <i>Press the victim's chest down not more than 6 cm</i>
B	Tekanan dada dilakukan 2 kali per saat <i>Chest compressions are performed 2 times per second</i>	Hembusan nafas ke mulut mangsa dilakukan 2 kali per saat <i>Mouth-to-mouth resuscitation are performed 2 times per second</i>
C	Tangan diletakkan di tengah dada mangsa <i>Hands are placed on the centre of the victim's chest</i>	Tangan diletakkan di antara pusat dengan bawah rusuk mangsa <i>Hands are placed between the navel and below the victim's ribs</i>
D	Goncang bahu mangsa dengan kuat <i>Shake the victim's shoulders hardly</i>	Tepuk belakang badan mangsa dengan kuat berulang kali <i>Tap the back of the victim's body vigorously repeatedly</i>

- 9 Antara situasi berikut, manakah patut diberi kaedah Heimlich Manoeuvre?

Which of the following situations should Heimlich Manoeuvre be given?

- A Seseorang individu tidak bernafas.
An individual is not breathing.
B Seseorang individu tiada degupan jantung atau nadi.
An individual has no heartbeat or pulse.
C Seseorang individu memegang leher dengan kedua-dua tangan.
An individual holds the neck with both hands.
D Seseorang individu tidak memberikan respons terhadap ransangan.
An individual does not respond to stimuli.

- 10 Adam sedang makan semasa belajar berseorangan di dalam bilik. Tiba-tiba dia tercekik. Apakah yang boleh Adam lakukan untuk menyelamatkan dirinya?

Adam was eating while studying alone in the room. Suddenly he choked. What could Adam do to save himself?

- A Tolak perut ke dinding dengan kuat sehingga makanan yang tersangkut keluar.
Push the stomach against the wall hardly until the stuck food comes out.
B Hembus nafas dengan kuat sehingga makanan yang tersangkut itu keluar.
Exhale strongly until the stuck food comes out.
C Letakkan tangan di belakang leher dan tepuk leher dengan sekuat hati beberapa kali.
Place your hands behind your neck and slap your neck firmly several times.
D Berdiri di belakang kerusi, bongkokkan badan dan tolak badan dengan kuat pada kerusi.
Stand behind the chair, bend the body and push the body firmly against the chair.

- 11 Maklumat berikut menunjukkan gejala yang dialami oleh seorang murid.

The following information shows the symptoms experienced by a student.

- Kulit, bibir dan kuku kelihatan kebiruan dan kehitaman.
Skin, lips and nails look bluish and black.
- Tidak boleh bercakap atau batuk.
Cannot talk or cough.

Apakah bantuan kecemasan yang perlu diberikan kepada murid itu?

What emergency procedure should be given to the student?

- A Heimlich Manoeuvre
Heimlich Manoeuvre
B Pemeriksaan tekanan darah
Blood pressure check
C Pengukuran kadar denyutan nadi
Measurement of pulse rate
D Resusitasi kardiopulmonari (CPR)
Cardiopulmonary resuscitation (CPR)

- 12 Antara berikut, yang manakah kedudukan genggam tangan yang betul semasa melakukan Heimlich Manoeuvre?

Which of the following is the correct position of the fist when performing Heimlich Manoeuvre?

- A Di atas pusat
Above the navel
B Di atas perut
Above the stomach
C Di atas peparu
Above the lungs
D Di atas jantung
Above the heart

- 13 Berikut adalah langkah-langkah yang terlibat dalam kaedah *Heimlich Manoeuvre*.
The following are the steps involved in Heimlich Manoeuvre procedure.


- P – Tekan dan sentak abdomen ke atas dengan kuat dan cepat.
Press and thrust the abdomen upward with a strong and quick force.
- Q – Berdiri di belakang mangsa dan bongkokkan badan mangsa ke hadapan.
Stand behind the victim and bend the victim's body slightly forward.
- R – Kelilingkan tangan anda dari belakang mangsa.
Wrap your arms around the victim from behind.
- S – Letakkan genggaman tangan kanan di antara pusat dan bawah rusuk mangsa. Kemudian, letakkan satu lagi tangan di atas tangan yang digenggam.
Place right fist between the navel and ribs of the victim. Place another hand on the right fist.

Antara berikut, yang manakah menunjukkan susunan yang betul?

Which of the following shows the correct order?

- A P → R → Q → S B Q → R → S → P
 C Q → S → R → P D P → Q → S → R

- 14 Rajah 2 menunjukkan kedudukan makanan di dalam badan seseorang.
Diagram 2 shows the position of food in a person's body.



Rajah 2/ Diagram 2

Apakah kesan daripada situasi tersebut?

What is the effect of that situation?


- A Individu itu akan bersin
The individual will sneeze
- B Individu itu sukar untuk bernafas
The individual has breathing difficulty
- C Individu itu sukar untuk berdiri
The individual has standing difficulty
- D Kulit, kuku dan bibir individu itu kelihatan kemerahan
The individual's skin, nails and lips look reddish

Kertas 2

Bahagian B

- 1 Rajah 1 menunjukkan satu kaedah dalam resusitasi kardiopulmonari (CPR) yang dilakukan pada sebuah patung.

Diagram 1 shows a procedure in cardiopulmonary resuscitation (CPR) performed on a mannequin.



Rajah 1/ Diagram 1

- (a) Apakah nama kaedah khusus bagi CPR yang ditunjukkan dalam Rajah 1?

What is the specific procedure for CPR shown in Diagram 1?

[1 markah/mark]

- (b) Nyatakan **satu** keadaan individu yang memerlukan CPR.

*State **one** condition an individual needs CPR.*

[1 markah/mark]

- (c) Terangkan **dua** kesan yang akan berlaku kepada mangsa sekiranya CPR tidak dilakukan dengan betul.

*Explain **two** effects that may occur to the victim if the CPR is not performed correctly.*


[2 markah/marks]

- (d) Seorang rakan anda terkena renjatan elektrik ketika cuba untuk menyalakan lampu di dalam kelas. Anda tidak pernah mempelajari kaedah CPR yang betul. Terangkan perkara yang perlu dilakukan bagi menyelamatkan rakan anda.

Your friend gets an electric shock while trying to turn on the light in the classroom. You have never learned the correct CPR procedure. Explain what should be done to save your friend.

[2 markah/marks]

- 2 Rajah 2 menunjukkan seorang remaja yang berjaya diselamatkan selepas hampir lemas. *Diagram 2 shows a teenager was saved after nearly drowned.*



Rajah 2/ Diagram 2

- (a) Apakah kaedah atau prosedur yang perlu dilakukan untuk menyelamatkan nyawa remaja tersebut?
What is the method or procedure that need to be done to save the teenager's life?

[1 markah/mark]

- (b) Apakah tujuan kaedah atau prosedur yang dinyatakan di (a) dilakukan?
What is the purpose of the method or procedure stated in (a) is performed?

[1 markah/mark]

- (c) Nyatakan **dua** teknik yang terlibat dalam kaedah atau prosedur di (a).
*State **two** techniques involved in the method or procedure in (a).*

[2 markah/marks]

- (d) Tandakan (✓) pada situasi yang memerlukan bantuan kecemasan menggunakan kaedah atau prosedur yang dinyatakan di (a).
Tick (✓) for the situations that require emergency help using the method or procedure stated in (a).

(i)	Kekejangan otot <i>Muscle cramp</i>	
(ii)	Terkena renjatan elektrik <i>Electrocuted</i>	
(iii)	Pengsan <i>Fainted</i>	

[2 markah/marks]

- 3 Rajah 3 menunjukkan Alif memberi bantuan kecemasan kepada seorang budak lelaki. *Diagram 3 shows Alif is giving emergency help to a boy.*



Rajah 3/ Diagram 3

- (a) Namakan jenis bantuan kecemasan ini.
Name this type of emergency help.

[1 markah/mark]

- (b) Nyatakan **dua** situasi yang menyebabkan budak lelaki itu memerlukan bantuan di (a).
*State **two** situations that may cause the boy to need assistance in (a).*

[2 markah/marks]

- (c) Apakah yang mungkin berlaku kepada budak itu jika bantuan kecemasan lambat diberikan?
What will happen to the boy if the emergency help is delayed?

[1 markah/mark]

- (d) Jane tiba-tiba tercekik semasa makan seorang diri di dalam bilik. Apakah yang Jane boleh lakukan untuk menyelamatkan dirinya?
Jane suddenly choked while eating alone in the room. What can Jane do to save herself?

[2 markah/marks]



VIDEO ULASAN
JAWAPAN

Soalan 3(d)

BAB

3

Teknik Mengukur Parameter
Kesehatan BadanTechniques of Measuring the
Parameters of Body Health

NOTES

VIDEO
PEMBELAJARAN

NOTA EFEKTIF

3.1 Suhu Badan

- 1 Suhu: Darjah kepanasan dan kesejukan sesuatu bahan.
- 2 Suhu badan: Darjah kepanasan dan kesejukan badan kita.
- 3 Suhu badan manusia yang normal **36.9 °C**.
- 4 Jenis termometer

Termometer klinik	Termometer makmal	Termometer rektal	Termometer inframerah
- Digunakan untuk menyukat suhu badan pada julat 35 °C – 42 °C. - Diletakkan di bawah ketiak atau mulut selama 2-3 minit hingga bunyi 'bip'. - Kejituan 0.1 °C. - Pencerutan pada termometer klinik: supaya merkuri tidak turun dengan cepat setelah dikeluarkan bagi memberikan sukatan yang lebih tepat.	- Digunakan untuk menyukat suhu cecair dalam julat -10 °C hingga 110 °C. - Tidak sesuai mengukur suhu badan kerana tiada bahagian pencerutan. - Kejituan 1 °C. - Jika digunakan untuk menyukat suhu badan, bacaan perlu diambil ketika termometer masih di dalam mulut atau di bawah ketiak.	- Digunakan untuk menyukat suhu badan melalui dubur. - Digunakan pada bayi kurang 3 bulan dengan memasukkan ke dalam dubur kira-kira 1.5 – 2.5 cm.	Digunakan untuk menyukat suhu badan tanpa bersentuhan pada jarak kira-kira 5 cm.

- 5 Faktor-faktor yang menyebabkan suhu badan melebihi normal
 - (a) Jangkitan bakteria atau virus
 - (b) Terdedah kepada panas melampau
 - Strok haba
 - Selaran matahari yang melampau
 - (c) Senaman berat

Hipotermia

Suhu kurang daripada normal dan boleh membawa maut. Ini berlaku jika terdedah kepada sejuk yang melampau.

Demam

Suhu badan melebihi 37 °C.

Homeostasis

Proses yang membantu badan manusia mengawal suhu badan supaya berada dalam keadaan seimbang dan stabil.

3.2 Kadar Denyutan Nadi

- 1 Pengukuran bilangan degupan jantung per minit.
- 2 **Titik nadi:** Tempat merasai denyutan nadi di badan dan arteri sangat dekat dengan permukaan kulit.

8 titik nadi

Faktor-faktor yang mempengaruhi kadar denyutan nadi

(a) Jantina

- Perempuan mempunyai kadar denyutan nadi lebih tinggi daripada lelaki.

(b) Umur

- Semakin meningkat umur, semakin rendah kadar denyutan nadi.

(c) Aktiviti fizikal

- Semakin cergas/ lasak aktiviti fizikal yang dilakukan, semakin meningkat kadar denyutan nadi.

Atlet mempunyai kadar denyutan nadi yang lebih rendah disebabkan oleh **otot kardiak mereka yang lebih kuat.**

Individu yang **tidak sihat** mempunyai **kadar denyutan nadi yang lebih rendah** atau **lebih tinggi** berbanding individu sihat.

3.3 Tekanan Darah

- 1 Tekanan yang dikenakan oleh darah pada dinding salur darah semasa peredaran darah.
- 2 Alat pengukuran: **Sfigmomanometer**
- 3 Unit pengukuran: Milimeter merkuri (mmHg)

Bacaan normal 120/80		Bacaan tekanan darah		Kesan penyakit tekanan darah tinggi
Tekanan sistolik Tekanan yang dikenakan pada dinding salur darah semasa otot jantung mengecut.	Tekanan diastolik Tekanan yang dikenakan pada dinding salur darah apabila otot jantung berehat.	Bacaan tinggi berlarutan → tekanan darah tinggi atau hipertensi	Bacaan rendah berlarutan → tekanan darah rendah	• Sakit kepala • Hipertensi • Strok
SIS KECUT	DIA REHAT			

- 4 Langkah pencegahan awal
 - Elakkan makanan bergaram secara berlebihan.
 - Elakkan makanan segera/ berperisa.
 - Lakukan pemeriksaan berkala.
 - Amalkan gaya hidup yang sihat/ bersukan/ bersenam.

3.4 Indeks Jisim Badan (BMI)

- 1 Ukuran jisim badan berbanding dengan ketinggian.

Formula

$$\text{BMI} = \frac{\text{Jisim badan (kg)}}{(\text{Ketinggian})^2 (\text{m}^2)}$$

Carta Indeks Jisim Badan

< 18.5	Kurang jisim badan
18.5 – 24.9	Jisim badan unggul
25.0 – 29.9	Berlebihan jisim badan
30.0 atau lebih	Obes


Kesan jisim badan berlebihan	Kesan jisim badan berkurangan	Cara menambah jisim badan	Cara menurunkan jisim badan
- Serangan jantung - Tekanan darah tinggi - Strok - Diabetes melitus (kencing manis) - Kompilasi sendi dan tulang	- Penyakit jantung - Penurunan daya tahan badan melawan penyakit - Keletihan - Anemia - Kemurungan	- Pemakanan yang sihat dan seimbang - Makan mengikut waktu yang tetap - Snek yang padat dengan nutrien	- Elak makanan tinggi gula dan lemak - Lakukan senaman sederhana - Makan makanan sihat



LATIHAN INTENSIF

Kertas 1

- 1 Rajah 1 menunjukkan sejenis termometer.
Diagram 1 shows a type of thermometer?



Rajah 1/ Diagram 1

Apakah termometer itu?
What is the thermometer?

- A Termometer klinik
Clinical thermometer
- B Termometer rektal
Rectal thermometer
- C Termometer makmal
Laboratory thermometer
- D Termometer inframerah
Infrared thermometer
- 2 Antara berikut, yang manakah digunakan untuk mengukur suhu badan tanpa bersentuhan dengan badan?
|-------------------------------------|----------------------------------|
| A Aspirin
<i>Aspirin</i> | B Kodeina
<i>Codeine</i> |
| C Parasetamol
<i>Paracetamol</i> | D Penisilin
<i>Penicillin</i> |


- 6 Apakah kesan sekiranya seseorang terlebih mengambil antibiotik?

What is the effect if someone is overuse antibiotics?

- A Kematian
Death
- B Ketagihan kepada antibiotik
Addiction to antibiotics
- C Kesan sampingan seperti muntah atau sakit kepala
Side effect like vomit or headache
- D Antibiotik tidak lagi berkesan untuk melawan penyakit.
Antibiotics is no longer effective against disease

- 7 Apakah bahan yang boleh digunakan bagi mengurangkan sakit kulit akibat selaran matahari?

What material can be used to reduce skin pain caused by sunburn?



- 8 Rajah 3 menunjukkan rawatan yang diterima oleh seorang lelaki.

Diagram 3 shows the treatment received by a man.



Rajah 3/ Diagram 3

Apakah tujuan lelaki itu melakukan rawatan tersebut?

What is the purpose of the treatment that the man is undergoing?

- A Merangsang sistem saraf
Stimulates the nervous system
- B Melegakan ketegangan otot
Relieves muscle tension
- C Membetulkan semula kedudukan tulang
Corrects bone alignment
- D Memperkuat keupayaan tubuh melawan penyakit
Strengthen the body's ability to fight disease
- 9 Apakah itu radikal bebas?

What is a free radical?

- A Atom yang mempunyai satu elektron sahaja
Atom with only one electron
- B Atom atau molekul yang stabil dan tidak reaktif
Atom or molecule which is stable and non-reactive
- C Atom atau molekul yang bercas positif atau negatif
Atom or molecule that is either positively-charged or negatively charged
- D Atom atau molekul yang kekurangan satu elektron
Atom or molecule that is lack of one electron

- 10 R berlaku apabila terdedah kepada cahaya matahari melampau dan menyebabkan kerosakan DNA. Apakah R?

R occurs when exposed to extreme sunlight and causes DNA damage. What is R?

- A Virus
Virus
- B Bakteria
Bacteria
- C Antioksidan
Antioxidants
- D Radikal bebas
Free radical

- 11 Antara berikut, yang manakah punca terdapatnya radikal bebas di dalam badan?

Which of the following is a cause of the presence of free radicals in the body?

- A Metabolisma
Metabolism
- B Sinar ultraungu
Ultraviolet radiation
- C Kekejangan otot
Muscle cramps
- D Asap rokok
Cigarette smoke

- 12 Antara berikut, yang manakah merupakan faktor luaran yang menghasilkan radikal bebas?

Which of the following is an external factor that produces free radicals?

- A Homeopati
Homeopathy
- B Antioksidan
Antioxidants
- C Asap rokok
Cigarette smoke
- D Beta karotena
Beta carotene

- 13 Antara berikut, yang manakah benar mengenai faktor dalaman dan faktor luaran yang menghasilkan radikal bebas?

Which of the following are true about the internal factor and external factor that produce free radicals?

	Faktor dalaman <i>Internal factor</i>	Faktor luaran <i>External factor</i>
A	Metabolisma <i>Metabolism</i>	Sisa toksik <i>Toxic waste</i>
B	Rokok <i>Cigarette</i>	Keradangan <i>Inflammation</i>
C	Keradangan <i>Inflammation</i>	Metabolisma <i>Metabolism</i>
D	Ultraungu <i>Ultraviolet</i>	Rokok <i>Cigarette</i>

- 14 Antara berikut, yang manakah betul tentang bahan antioksidan?

Which of the following is correct about antioxidant?

- A Merosakkan sel badan
Damage body cells
- B Menghentikan proses pengoksidaan
Stops oxidation process
- C Mempercepatkan proses pengoksidaan
Speed up oxidation process
- D Melemahkan sistem keimunan badan
Weakens body immune system

- 15 Maklumat berikut mengenai sejenis bahan antioksidan.

The following information below is about an antioxidant.

- Dikenali sebagai asid askorbik.
Known as ascorbic acid.
- Terdapat dalam buah-buahan sitrus, brokoli dan lada hijau.
Found in citrus fruits, broccoli and green peppers.

Apakah bahan antioksidan itu?

What is the antioxidant?

- A Lutein B Likopena
Lutein Lycopene
C Vitamin C D Vitamin E
Vitamin C Vitamin E

- 16 Bahan antioksidan yang manakah dipadankan dengan contoh makanannya yang betul?

Which antioxidant substance is matched correctly with its food example?

	Bahan antioksidan <i>Antioxidant substance</i>	Contoh makanan <i>Example of foods</i>
A	Lutein <i>Lutein</i>	Ubi keledek <i>Sweet potato</i>
B	Vitamin E <i>Vitamin E</i>	Bayam <i>Spinach</i>
C	Vitamin C <i>Vitamin C</i>	Kranberi <i>Cranberries</i>
D	Likopena <i>Lycopene</i>	Kekacang <i>Nuts</i>

- 17 Antara berikut, yang manakah betul tentang bahan aktif?

Which of the following is correct about active ingredients?

- A Brokoli merupakan sejenis bahan aktif
Broccoli is a type of active ingredients
B Membantu dalam pencegahan penyakit
Help in preventing disease
C Tidak berkesan terhadap penyembuhan penyakit.
Have no effects in recovering from disease
D Dua atau lebih bahan aktif mesti digunakan bersama
Two or more active ingredients must be consumed together

- 18 Apakah keadaan yang memerlukan kita untuk mengambil produk kesihatan?

What is the condition requiring us to consume health products?


- A Pulih daripada penyakit
Recovering from illness
B Meningkatkan kecerdasan minda
Improves mental intelligence
C Persediaan menghadapi peperiksaan
Preparation for the exam
D Nasihat daripada ibu bapa dan saudara-mara
Advice from parents and relative

Kertas 2

Bahagian A

- 1 Rajah 1 menunjukkan satu eksperimen untuk mengkaji kesan jenis larutan yang berbeza terhadap pengoksidaan buah pear.

Diagram 1 shows an experiment to study the effect of different types of solutions on the oxidation of pears.



Rajah 1/ Diagram 1

Jadual 1 menunjukkan keadaan kedua-dua buah pear selepas tiga jam.

Table 1 shows the state of both pears after three hours.

Jenis larutan <i>Type of solution</i>	Keadaan buah pear <i>State of the pear</i>
Jus limau <i>Lime juice</i>	
Larutan natrium bikarbonat <i>Sodium bicarbonate solution</i>	Berubah warna <i>Changes colour</i>

Jadual 1/ Table 1

- (a) Berdasarkan pemerhatian pada Rajah 1, lengkapkan Jadual 1.
Based on the observations in Diagram 1, complete Table 1.
- [1 markah/mark]
- (b) Nyatakan **satu** hipotesis bagi eksperimen ini.
*State **one** hypothesis for this experiment.*

[1 markah/mark]

- (c) Nyatakan pemboleh ubah dalam eksperimen ini.

State the variables in this experiment.

- (i) Pemboleh ubah dimanipulasikan.

Manipulated variable.

[1 markah/mark]

- (ii) Pemboleh ubah bergerak balas.

Responding variable.

[1 markah/mark]

- (d) Apakah larutan lain yang boleh digunakan untuk menggantikan jus limau?

What other solution can also be used to replace the lime juice?

[1 markah/mark]

Bahagian B

- 2 (a) Apakah itu radikal bebas?

What is a free radical?

[1 markah/mark]

- (b) Terangkan bagaimana radikal bebas menyebabkan kanser.

Explain how free radicals can cause cancer.

[2 markah/marks]

- (c) Nyatakan **satu** kesan radikal bebas yang lain terhadap kesihatan manusia.

*State **one** other effect of free radicals on human health.*

[1 markah/mark]

- (d) Nyatakan **dua** faktor luaran yang menghasilkan radikal bebas.

*State **two** external factors which produce free radicals.*

[2 markah/marks]



Bahagian C

- 3 Kaji pernyataan berikut.

Study the following statement.

Radikal bebas terhasil melalui proses pengoksidaan. Bahan antioksidan boleh memperlahankan atau menghentikan proses pengoksidaan.

Free radicals are formed from oxidation process. Antioxidants can slow down or stop the oxidation process.

- (a) Nyatakan pernyataan masalah berdasarkan pernyataan di atas.

State a problem statement based on the statement above.

[1 markah/mark]

- (b) Cadangkan **satu** hipotesis yang boleh dibina untuk menyokong pernyataan itu.

*Suggest **one** hypothesis that can be built to support the statement.*

[1 markah/mark]

- (c) Reka satu eksperimen untuk menguji hipotesis anda dengan menggunakan buah epal, air suling, garam, jus limau dan radas yang lain.

Design an experiment to test your hypothesis by using apples, distilled water, salt, lime juice and other apparatus.

Huraian anda hendaklah mengandungi kriteria seperti berikut:

Your description must include the criteria as follow:

- (i) Tujuan eksperimen

The aim of the experiment

[1 markah/mark]

- (ii) Menenal pasti pemboleh ubah

Determination of variables

[2 markah/marks]

- (iii) Bahan dan radas

Materials and apparatus

[1 markah/mark]

- (iv) Prosedur eksperimen

Procedure of the experiment

[4 markah/marks]



NOTA EFEKTIF

11.1 Gerakan Linear


1 Cara mengira halaju:

Formula halaju

$$v = \frac{s}{t} \quad v = \text{halaju}; s = \text{sesaran}; t = \text{masa}$$

Contoh soalan

Kira halaju troli berdasarkan pita detik di bawah.



Langkah penyelesaian

Langkah 1

Kira bilangan titik
(6 titik termasuk separuh titik hitam).

Langkah 2

Kira bilangan detik
= (bilangan titik - 1)
= (6 - 1)
= 5 detik (1 detik bersamaan 0.02 s)

Langkah 3

Kira tempoh masa
= (5 detik $\times$ 0.02 s)
= 0.1 s

Langkah 4

Kira jarak/ sesaran = 5 cm

Langkah 5

Kira halaju, $v = \frac{s}{t}$
 $= \frac{5}{0.1}$
 $= 50 \text{ cm s}^{-1}$


2 Cara pengiraan pecutan/ nyahpecutan:

Formula pecutan

$$a = \frac{(v - u)}{t} \quad a = \text{pecutan}; u = \text{halaju awal}; v = \text{halaju akhir}; t = \text{masa}$$

Contoh soalan

Berdasarkan rajah di bawah, hitung pecutan sebuah troli.



Langkah penyelesaian

Langkah 1

Lihat tanda arah gerakan
(ke kanan).

Langkah 2

Melalui tanda arah (ke kanan), kita dapat tentukan bahagian B adalah jarak awal dan bahagian A adalah jarak akhir.

Langkah 3

Kira halaju awal, $u = \frac{\text{jarak B}}{\text{masa}}$
 $= \frac{5 \text{ cm}}{0.02 \text{ s}}$
 $= 250 \text{ cm s}^{-1}$

Langkah 4

Kira halaju akhir, $v = \frac{\text{jarak A}}{\text{masa}}$
 $= \frac{1 \text{ cm}}{0.02 \text{ s}}$
 $= 50 \text{ cm s}^{-1}$

Langkah 5

Kira bilangan detik pada pita
= 7 detik

Langkah 6









Darabkan, 7 detik $\times$ 0.02 s
= 0.14 s

Langkah 7


Guna formula pecutan, a
 $= \frac{(v - u)}{t}$
 $= \frac{(50 - 250)}{0.14}$
 $= \frac{(-200)}{0.14}$
 $= -1428.6 \text{ cm s}^{-2}$
Simbol (-) menunjukkan nyahpecutan

11.2 Graf Gerakan Linear

- 1 Terdapat dua jenis graf gerakan iaitu graf sesaran-masa dan graf halaju-masa.
- 2 Rumusan graf adalah seperti berikut:

Graf sesaran (s) - masa (t)	Penerangan	Graf halaju (v) - masa (t)	Penerangan
	• Kecerunan kosong • Halaju kosong (tak bergerak)		• Kecerunan kosong • Pecutan kosong/ halaju tetap
	• Kecerunan meningkat • Halaju meningkat		• Kecerunan meningkat • Pecutan meningkat
	• Kecerunan tetap • Halaju tetap		• Kecerunan tetap • Pecutan tetap/ malar
	• Kecerunan berkurang • Halaju berkurang		• Kecerunan berkurang • Pecutan berkurang

- 3 Contoh penyelesaian masalah melibatkan graf sesaran-masa.



- (a) Kira halaju di OA.

Langkah 1 Lihat jenis graf (graf s – t)

Langkah 2 Lihat kecerunan graf

Langkah 3 Guna formula $v = \frac{s}{t}$

Langkah 4 Masukkan nilai ke dalam formula

$$v = \frac{(40 - 0)}{(10 - 0)} = 4.0 \text{ m s}^{-1}$$

- (b) Kira halaju di AB.

Langkah 1 Lihat jenis graf (graf s – t)


Langkah 2 Lihat kecerunan graf

Langkah 3 Guna formula $v = \frac{s}{t}$

Langkah 4 Masukkan nilai ke dalam formula

$$v = \frac{(40 - 40)}{(50 - 10)} = 0 \text{ m s}^{-1}$$

- 4 Contoh penyelesaian masalah melibatkan graf halaju-masa.



- (a) Kira pecutan di OA.

Langkah 1 Lihat jenis graf (graf v – t)

Langkah 2 Lihat kecerunan graf

Langkah 3 Guna formula $a = \frac{(v - u)}{t}$

Langkah 4 Masukkan nilai ke dalam formula

$$a = \frac{(15 - 0)}{(10 - 0)} = 1.5 \text{ m s}^{-2}$$

- (b) Kira pecutan di AB.

Langkah 1 Lihat jenis graf (graf v – t)

Langkah 2 Lihat kecerunan graf

Langkah 3 Guna formula $a = \frac{(v - u)}{t}$

Langkah 4 Masukkan nilai ke dalam formula

$$a = \frac{(15 - 15)}{(20 - 10)} = 0 \text{ m s}^{-2}$$

11.3 Jatuh Bebas

- 1 Jatuh bebas ialah satu gerakan jasad yang dipengaruhi oleh daya graviti sahaja.
- 2 Bukan jatuh bebas ialah satu gerakan jasad yang dipengaruhi oleh rintangan udara.
- 3 Pecutan graviti ialah pecutan yang terhasil akibat daripada tindakan daya graviti terhadap satu jasad ke pusat bumi.

11.4 Inersia

- 1 Inersia ialah sifat semula jadi yang dimiliki oleh sesuatu objek yang berkecenderungan untuk menentang gerakan asal sama ada dalam keadaan pegun atau dalam keadaan gerakan.
- 2 Semakin meningkat jisim, semakin meningkat inersia.
- 3 Contoh inersia ialah kapal terbang memerlukan landasan yang panjang untuk berlepas.



LATIHAN INTENSIF

Kertas 1


- 1 Sebuah kereta yang dalam keadaan pegun mula bergerak dan memecut dengan seragam. Jika pecutan kereta ialah 0.5 m s^{-2} , berapakah halaju kereta itu selepas 1 minit?

A stationary car starts to move and accelerates uniformly. If the acceleration of the car is 0.5 m s^{-2} , what is the velocity of the car after 1 minute?

- A 0.5 m s^{-1} B 15 m s^{-1}
C 25 m s^{-1} D 30 m s^{-1}

- 2 Rajah 1 menunjukkan sebahagian daripada pita detik bagi sebuah troli yang sedang bergerak.

Diagram 1 shows a part of a ticker tape for a moving trolley.



Rajah 1/ Diagram 1


Antara yang berikut, yang manakah betul tentang jenis gerakan troli itu?

Which of the following is correct about the type of motion of the trolley?

- A Halaju sifar B Halaju seragam
Zero velocity Constant velocity
C Halaju bertambah D Halaju berkurang
Increasing velocity Decreasing velocity

- 3 Rajah 2 menunjukkan sebuah kereta mainan yang bergerak dari X ke Y.

Diagram 2 shows a toy car moving from X to Y.



Rajah 2/ Diagram 2

Berapakah laju kereta mainan itu?

What is the speed of the toy car?

- A 0.4 m s^{-1} B 2.5 m s^{-1}
C 3.0 m s^{-1} D 10.0 m s^{-1}

- 4 Antara berikut, yang manakah merupakan rumus bagi pecutan?

Which of the following is the formula for acceleration?

- A $\frac{\text{Sesaran/ Displacement}}{\text{Masa/ Time}}$
B $\frac{\text{Jarak/ Distance}}{\text{Masa/ Time}}$
C $\frac{\text{Perubahan halaju/ Change of velocity}}{\text{Masa/ Time}}$
D $\frac{\text{Perubahan laju/ Change of speed}}{\text{Masa/ Time}}$

- 5 Sebuah motosikal yang dalam keadaan pegun mula bergerak dan memecut dengan seragam. Jika pecutan motosikal ialah 0.5 m s^{-2} , berapakah halaju motosikal itu selepas 10 saat?

A stationary motorcycle starts to move and accelerates uniformly. If the acceleration of the motorcycle is 0.5 m s^{-2} , what is the velocity of the motorcycle after 10 seconds?


Formula/ Formula:

$$a = \frac{v - u}{t}$$

- A 5 m s^{-1} B 15 m s^{-1}
C 25 m s^{-1} D 30 m s^{-1}

- 6 Rajah 3 menunjukkan pita detik bagi sebuah troli.

Diagram 3 shows a ticker tape of a trolley.



Rajah 3/ Diagram 3

Jika jangka masa detik berfrekuensi 50 Hz, hitung pecutan dalam unit m s^{-2} .

If the ticker timer has a frequency of 50 Hz, calculate the acceleration in the unit of m s^{-2} .

Formula/ Formula:

$$a = \frac{\Delta v}{t}, v = \frac{s}{t}, a = \frac{v - u}{t}$$

- A -18.75 B 18.75
C -21.43 D 21.43



- 7 Antara berikut, yang manakah menunjukkan pecutan sifar?

Which of the following shows a zero acceleration?

- A
B
C
D

- 8 Azmi telah menyertai acara larian 100 m. Dia mencatatkan masa 10 saat dalam acara tersebut. Berapakah laju purata lariannya?

Azmi took part in a running event of 100 m. He achieved a time record of 10 seconds in the event. What is his average speed?

$$\text{Laju/ Speed} = \frac{\text{Jarak/ Distance}}{\text{Masa/ Time}}$$

- A 1 m s^{-1} B 100 m s^{-1}
C 10 m s^{-1} D $1\,000 \text{ m s}^{-1}$

- 9 Sebuah kereta mula bergerak pada kelajuan 5 m s^{-1} dan mencapai 30 m s^{-1} dalam masa 20 saat. Hitung pecutan kereta itu.

A car starts to move at a speed of 5 m s^{-1} and reached 30 m s^{-1} in 20 seconds. Calculate the acceleration of the car.

$$a = \frac{v - u}{t}$$


- A 1.25 m s^{-2} B -1.25 m s^{-2}
C 12.5 m s^{-2} D -12.5 m s^{-2}

- 10 Rajah 4 menunjukkan sebuah perahu layar yang bergerak dari X ke Y.

Diagram 4 shows a sailboat moving from X to Y.

Arah gerakan/ Direction of motion

Masa/ Time: 09:04.02 a.m. → Masa/ Time: 09:04.04 a.m.



Rajah 4/ Diagram 4

Berapakah laju perahu layar itu?

What is the speed of the sailboat?

- A 0.4 m s^{-1} B 2.5 m s^{-1}
C 3.0 m s^{-2} D 10.0 m s^{-2}


- 11 Antara berikut, yang manakah merupakan unit S.I bagi pecutan?

Which of the following is the S.I unit for acceleration?

- A cm B m s^{-1}
C cm s^{-1} D m s^{-2}

- 12 Rajah 5 menunjukkan satu graf sesaran-masa.

Diagram 5 shows a displacement-time graph.



Rajah 5/ Diagram 5

Apakah yang diwakili oleh kecerunan graf ini?


What is represented by the gradient of this graph?




- A Sesaran seragam
Uniform displacement
B Halaju seragam
Uniform velocity
C Laju seragam
Uniform speed
D Pecutan seragam
Uniform acceleration

- 13 Antara berikut, yang manakah menunjukkan halaju bertambah secara seragam?

Which of the following shows the velocity increases uniformly?


- A Halaju/ Velocity (m s^{-1})





- 14** Rajah 6 menunjukkan satu graf sesaran-masa.

Diagram 6 shows a displacement-time graph.




Berapakah nilai halaju pada 20 saat pertama?

What is the value of the velocity in the first 20 seconds?

- A** 1.5 m s^{-1} **B** 2.0 m s^{-1}
C 2.5 m s^{-1} **D** 3.0 m s^{-1}

- 15** Rajah 7 menunjukkan satu graf halaju-masa.

Diagram 7 shows a velocity-time graph.



Apakah pecutan dari masa 30 saat ke 50 saat?

What is the acceleration from 30 second to 50 second?

- A** 0 m s^{-2} **B** 5 m s^{-2}
C 10 m s^{-2} **D** 15 m s^{-2}

- 16** Antara pernyataan berikut, yang manakah benar berkaitan jatuh bebas?

Which of the following statements is true about free fall?

- A** Dipengaruhi oleh rintangan udara
Affected by air resistance
B Jatuh dengan tiada tindakan daya
Falling with no force action
C Jatuh tanpa pecutan
Fall without acceleration
D Berlaku dalam vakum sahaja
Occurs in vacuum only

- 17** Sehelai bulu burung dan sebiji batu kecil dilepaskan pada masa yang sama dalam satu silinder vakum. Antara pemerhatian berikut, yang manakah betul?

A feather and a small stone are released at the same time in a vacuum cylinder. Which of the following observations is correct?

- A** Bulu burung sampai ke tapak silinder dahulu.
The feather reaches the cylinder base first.
B Batu kecil sampai ke tapak silinder dahulu.
The small stone reaches the cylinder base first.
C Bulu burung dan batu kecil sampai ke tapak silinder pada masa yang sama.
The feather and the small stone reach the cylinder base at the same time.
D Bulu burung dan batu kecil terapung di dalam silinder.
The feather and the small stone float in the cylinder.

- 18** Pilih pernyataan yang betul tentang inersia.

Choose the correct statement about inertia.

- A** Objek yang mempunyai jisim yang lebih besar mempunyai inersia yang lebih besar.
Object with a greater mass has a greater inertia.
B Objek yang mempunyai jisim yang lebih kecil mempunyai inersia yang lebih besar.
Object with a smaller mass has a greater inertia.
C Objek yang mempunyai ketumpatan yang lebih besar mempunyai inersia yang lebih besar.
Object with a greater density has a greater inertia.
D Objek yang mempunyai ketumpatan yang lebih kecil mempunyai inersia yang lebih besar.
Object with a smaller density has a greater inertia.

- 19 Apakah yang akan berlaku kepada penumpang apabila sebuah bas berhenti dengan tiba-tiba?
What will happen to the passengers when a bus stops suddenly?

A Mereka akan terjatuh.
They will fall down.


B Mereka tidak akan bergerak.
They will not move.

C Mereka akan bergerak ke belakang.
They will move backward.

D Mereka akan bergerak ke hadapan.
They will move forward.

- 20 Rajah 9 menunjukkan dua buah baldi, X dan Y yang digantung pada ketinggian yang sama. Kedua-dua baldi itu mempunyai bentuk dan saiz yang sama.

Diagram 9 shows two buckets, X and Y, hanging at the same height. Both buckets have the same shape and size.



Rajah 9/ Diagram 9

- Apakah yang dapat diperhatikan jika kedua-dua baldi itu diayun serentak pada ketinggian yang sama?

What can be observed if both buckets are swung simultaneously at the same height?

A X berayun lebih laju daripada Y.
X swings faster than Y.


B X berhenti berayun lebih awal daripada Y.
X stops swinging earlier than Y.

C X berayun lebih lama daripada Y.
X swings longer than Y.

D X dan Y berayun dan berhenti pada masa yang sama.
X and Y swing and stop at the same time.

- 21 Antara berikut, yang manakah mempunyai inersia yang paling besar?

Which of the following has the greatest inertia?




Kertas 2

Bahagian A

- 1 Seorang pelajar menjalankan eksperimen untuk mengkaji gerakan sebuah troli di atas satu landasan condong. Rajah 1 menunjukkan pita detik yang diperoleh apabila melalui jangka masa detik yang mempunyai frekuensi 50 Hz.

A student conducted an experiment to study the motion of a trolley on an inclined plane. Diagram 1 shows the ticker tape produced by the ticker timer which has a frequency of 50 Hz.



Rajah 1/ Diagram 1

- (a) Ukur panjang setiap jalur 5 detik pada Rajah 1 dengan menggunakan pembaris. Lengkapkan Jadual 1.
Measure the length of each strip of 5 ticks shown in Diagram 1 by using a ruler. Complete Table 1.

Jalur pada pita detik Strip at the ticker tape	1	2	3	4	5
Panjang jalur (cm) Strip length (cm)	1.5				

Jadual 1/ Table 1

[2 markah/marks]

- (b) Berdasarkan maklumat dalam Jadual 1 di (a), nyatakan jenis gerakan bagi troli itu.
Based on the information in Table 1 in (a), state the type of motion of the trolley.


[1 markah/mark]

- (c) Hitung pecutan troli itu dalam unit cm s^{-1} .
Calculate the acceleration of the trolley in unit of cm s^{-1} .

[2 markah/marks]

- 2 Sebilah gergaji besi diletakkan dengan satu beban 100 g dan diayunkan secara mengufuk. Masa yang diambil bagi gergaji besi untuk berhenti berayun direkodkan.

A hacksaw blade is fixed with 100 g load and it is oscillating horizontally. The time taken for the hacksaw blade to stop oscillating is recorded.



Rajah 2/ Diagram 2


Keputusan eksperimen ditunjukkan dalam Jadual 2.

The result of the experiment is shown in Table 2.

Jisim beban (g) Mass of load (g)	100	200	300	400	500
Masa ayunan (minit) Oscillation time (minutes)	5	10	15		25

Jadual 2/ Table 2

- (a) Menggunakan data dalam Jadual 2, plotkan graf masa ayunan melawan jisim beban.
Using the data in Table 2, plot a graph of the oscillation time against mass of load.



[2 markah/marks]

- (b) Nyatakan hubungan antara jisim beban dengan masa ayunan.
State the relationship between mass of load and oscillation time.

[1 markah/mark]

- (c) Berdasarkan graf di (a), nyatakan masa ayunan apabila jisim beban yang digunakan ialah 400 g. Tulis jawapan anda dalam Jadual 2.

Based on the graph in (a), state the oscillation time when the mass of load used is 400 g. Write your answer in Table 2.

[1 markah/mark]

- (d) Ramalkan masa ayunan jika jisim beban yang digunakan ialah 600 g.
Predict the oscillation time if 600 g mass of load is used.


[1 markah/mark]

Bahagian B

- 3 Rajah 3 ialah graf halaju-masa bagi sebuah motosikal.

Diagram 3 is a velocity-time graph of a motorcycle.

Halaju/ Velocity (m s^{-1})



Rajah 3/ Diagram 3

- (a) Berapa lamakah masa yang diambil untuk sampai ke C?
How long does it take to reach to C?

[1 markah/mark]

- (b) Nyatakan di bahagian manakah motosikal itu bergerak dengan:

State at which part the motorcycle move with:

(i) halaju malar/ constant velocity:

(ii) pecutan seragam/ uniform acceleration:

(iii) nyahpecutan/ deceleration:

[3 markah/marks]


- (c) Berapakah sesaran bagi 4 saat yang pertama?
What is the displacement in the first 4 seconds?

[1 markah/mark]

- (d) Tentukan pecutan motosikal itu dari masa 10 saat hingga 14 saat.
Determine the acceleration of the motorcycle from 10 seconds until 14 seconds.

[1 markah/mark]

- 4 Rajah 4 menunjukkan kedudukan sehelai bulu pelepah dan sebiji batu selepas dijatuhkan secara serentak dalam dua keadaan yang berbeza.
Diagram 4 shows the position of a feather and a stone after being dropped simultaneously in two different situations.



Rajah 4/ Diagram 4

- (a) Berdasarkan Rajah 4, bulu pelepah dan batu manakah yang mengalami jatuh bebas?
Based on Diagram 4, which feather and stone experienced free fall?

[1 markah/mark]

- (b) Beri sebab bagi jawapan anda di (a).
Give a reason for your answer in (a).

[2 markah/marks]

- (c) Lakar sebuah graf halaju melawan masa bagi menunjukkan keadaan jatuh bebas itu.
Draw a graph of velocity against time to demonstrate the free fall situation.

[3 markah/marks]

Bahagian C

- 5 Kaji pernyataan berikut.
Study the following statement.

Nabil dan Azri sedang berayun pada kelajuan yang sama. Nabil mengambil masa yang lebih lama untuk berhenti berayun berbanding dengan Azri. Situasi ini menunjukkan masa yang diambil untuk menghentikan objek yang sedang bergerak adalah bergantung pada jisimnya.

Nabil and Azri are swinging at the same speed. Nabil takes longer time to stop swinging compared to Azri. This situation shows that time taken to stop a moving object depends on its mass.



- (a) Cadangkan **satu** hipotesis untuk menyiasat pernyataan di atas.
*Suggest **one** hypothesis to investigate the above statement.*

[1 markah/mark]

- (b) Dengan menggunakan pasir, dua baldi plastik dan radas lain yang bersesuaian, huraikan satu eksperimen untuk menguji hipotesis di (a).

By using sand, two plastic buckets and other suitable apparatus, describe one experiment to test the hypothesis in (a).

Huraian anda haruslah mengandungi kriteria berikut:

Your description should include the following criteria:

- (i) Tujuan eksperimen
Aim of the experiment

[1 markah/mark]

- (ii) Mengenal pasti pemboleh ubah
Identification of variables

[2 markah/marks]

- (iii) Senarai radas dan bahan
List of apparatus and materials

[1 markah/mark]

- (iv) Prosedur atau kaedah
Procedure or method

[4 markah/marks]

- (v) Penjadualan data
Tabulation of data

[1 markah/mark]

BAB 12

Tenaga Nuklear Nuclear Energy

NOTES




VIDEO
PEMBELAJARAN



NOTA EFEKTIF

12.1 Penggunaan Tenaga Nuklear




12.2 Penghasilan Tenaga Nuklear

- Proses penghasilan tenaga nuklear:
 - Tindak balas pembelahan
 - Tindak balas pelakuran
- Penerangan tindak balas pembelahan adalah seperti berikut:

Definisi: Proses pemecahan satu nukleus radioaktif yang berat kepada dua atau lebih nukleus yang lebih ringan dan stabil.

Berlaku di loji jana kuasa nuklear

Tindak balas pembelahan




Akibat: Membebaskan tenaga yang banyak

- Penerangan tindak balas pelakuran adalah seperti berikut:

Definisi: Proses percantuman atau penggabungan dua nukleus radioaktif yang ringan membentuk satu nukleus yang lebih berat.


Berlaku di Matahari

Tindak balas pelakuran




Akibat: Membebaskan tenaga nuklear yang lebih banyak berbanding pembelahan nukleus.

4 Penghasilan tenaga nuklear.



5 Carta alir penghasilan tenaga nuklear.



12.3 Impak Penggunaan Tenaga Nuklear

1 Impak penggunaan senjata nuklear:

- Contoh: Pengeboman bom atom di Hiroshima dan Nagasaki dalam Perang Dunia Kedua.
- Kesan:
 - Mengorbankan kira-kira 70 000 nyawa orang awam.
 - Seluruh bandar raya menjadi amat panas sehingga struktur besi mencair.
 - Mengganggu keadaan atmosfera kesan daripada gelombang dan lurutan radioaktif.
 - Sistem perhubungan di bandar raya terputus.

2 Impak ujian nuklear:

- Menyebabkan kesan penyebaran radiasi iaitu kesan somatik dan kesan genetik
- Contoh kesan somatik iaitu keletihan, loya, katarak, leukemia dan keguguran rambut
- Contoh kesan genetik iaitu kecacatan pada bayi, mutasi sel dan kanser

12.4 Tenaga Nuklear di Malaysia


- Agensi Nuklear Malaysia adalah sebuah agensi yang di bawah MOSTI merupakan peneraju R&D sains dan teknologi nuklear bagi pembangunan sosioekonomi negara.
- Bagi memastikan kewajaran penggunaan Tenaga Nuklear di Malaysia, pelbagai aspek dipertimbangkan iaitu:
 - Kos bahan api fosil yang tinggi dan akan habis
 - Kesan pencemaran yang rendah akibat penggunaan tenaga nuklear
 - Kawasan sisa pelupusan haruslah strategik iaitu berdekatan dengan sumber air
 - Kadar tenaga yang dikeluarkan adalah lebih tinggi



LATIHAN INTENSIF

Kertas 1

- 1 Penggunaan tenaga nuklear bertujuan menjana
The use of nuclear energy is intended to generate
A tenaga haba B tenaga kinetik
heat energy kinetic energy
C tenaga kimia D tenaga elektrik
chemical energy electrical energy
- 2 Antara berikut, yang manakah salah mengenai kebaikan penggunaan tenaga nuklear?
Which of the following is false about benefits of nuclear energy usage?
A Tenaga nuklear ialah tenaga yang boleh diperbaharui.
Nuclear energy is a renewable energy.
B Tenaga yang dihasilkan adalah lebih besar dan efisien.
Energy produced is bigger and efficient.
C Tenaga nuklear digunakan dalam pelbagai bidang seperti perubatan dan perindustrian.
Nuclear energy is used in various fields such as medicine and industrial.
D Tenaga nuklear membebaskan jumlah gas rumah hijau yang sedikit berbanding dengan sumber tenaga yang lain.
Nuclear energy releases less greenhouse gases compared to other energy resources.
- 3 Penggunaan tenaga nuklear tanpa kawalan akan menyebabkan impak negatif. Antara berikut, yang manakah **bukan** kebaikan tenaga nuklear?
Usage of nuclear energy without control will cause a negative impact. Which of the following is not a benefit of nuclear energy?
A Untuk menentukan umur artifak.
To determine the age of artifacts.
B Sebagai senjata dengan mencipta bom nuklear.
As a weapon by inventing nuclear bombs.
C Untuk menjana tenaga elektrik.
To generate electrical energy.
D Untuk membunuh sel kanser.
To kill cancer cells.
- 4 Antara berikut, yang manakah **bukan** kegunaan natrium-24?
Which of the following is not the usage of sodium-24?
I Mengesan pembekuan darah dalam salur darah.
Detects blood clotting in blood vessels.
II Menjana tenaga elektrik dalam stesen jana kuasa tenaga nuklear.
Generates electrical energy in a nuclear power station.
III Mengesan kebocoran paip.
Detects pipe leakage.
IV Menentukan keberkesanan racun serangga.
Determines the effectiveness of insecticides.
- 5 Di manakah pelakuran nukleus berlaku secara semula jadi?
Where does the nuclear fusion occurs naturally?
A Matahari B Bulan
Sun Moon
C Bumi D Marikh
Earth Mars
- 6 Rajah 1 menunjukkan permulaan suatu tindak balas berantai.
Diagram 1 shows the beginning of a chain reaction.



Rajah 1/ Diagram 1

- Bagaimanakah tindak balas berantai itu berlaku?
How does the chain reaction occurs?
A U mempunyai sifat keradioaktifan yang tinggi.
U has high radioactivity properties.
B Kedua-dua nukleus Sr dan Xe masih bersifat radioaktif.
Both Sr and Xe nuclei still are radioactive.
C Tenaga yang dibebaskan semasa tindak balas nuklear adalah sangat tinggi.
The energy released during the nuclear reaction is very high.
D Bilangan neutron yang terbebas berganda secara berterusan dengan pertambahan masa.
The number of neutrons released is continuously multiplying as time increases.
- 7 Apakah hasil pelakuran nukleus?
What is the product of nuclear fusion?
A Neutron dan jumlah tenaga yang kecil.
Neutron and small amount of energy.
B Neutron, nukleus ringan dan jumlah tenaga yang banyak.
Neutron, light nucleus and huge amount of energy.
C Nukleus berat dan jumlah tenaga yang banyak.
Heavy nucleus and huge amount of energy.
D Nukleus berat dan jumlah tenaga yang kecil.
Heavy nucleus and small amount of energy.


- 8 Antara pernyataan berikut, yang manakah betul tentang pembelahan nukleus?

Which of the following statements is correct about nuclear fission?

- A Tenaga diserap dalam proses ini.
Energy is absorbed in this process.
- B Tenaga dibebaskan dalam proses ini.
Energy is released in this process.
- C Satu nukleus yang lebih besar dan lebih berat dibentuk.
A larger and heavier nucleus is formed.
- D Proses ini berlaku di Matahari.
This process occurs in the Sun.

- 9 Rajah 2 menunjukkan proses yang terlibat dalam penghasilan tenaga nuklear.

Diagram 2 shows the process involved in the production of nuclear energy.



Rajah 2/ Diagram 2

Apakah proses tersebut?

What is the process?

- A Elektrolisis
Electrolysis
- B Tindak balas berantai
Chain reaction
- C Pelakuran nukleus
Nuclear fusion
- D Pembelahan nukleus
Nuclear fission

- 10 Pernyataan di bawah menerangkan mengenai proses P.

The statement below describe about process P.

Tenaga nuklear terhasil apabila Uranium-235 dibedil oleh suatu neutron.

Nuclear energy is produced when Uranium-235 is bombarded by a neutron.

Apakah proses P?

What is process P?

- A Elektrolisis
Electrolysis
- B Pelakuran nukleus
Nuclear fusion
- C Eksotermik
Exothermic
- D Pembelahan nukleus
Nuclear fission

- 11 Antara berikut, yang manakah digunakan untuk mensterilkan peralatan perubatan?

Which of the following is used to sterilise medical equipments?

- A Fosforus-32
Phosphorus-32
- B Iodin-131
Iodine-131
- C Barium-138
Barium-138
- D Kobalt-60
Cobalt-60



- 12 Pilih pernyataan yang betul tentang pelakuran nukleus.

Choose the correct statement about nuclear fusion.

- A Nukleus menyerap haba yang banyak.
Nucleus absorbs a large amount of heat.
- B Nukleus akan berpecah kepada proton dan neutron.
Nucleus will split into protons and neutrons.
- C Nukleus yang lebih ringan akan dibentuk.
A lighter nucleus will be formed.
- D Nukleus yang lebih berat akan dibentuk.
A heavier nucleus will be formed.

- 13 Apakah kegunaan moderator grafit dalam reaktor nuklear?

What is the function of graphite moderator in the nuclear reactor?

- A Mengawal kadar tindak balas pembelahan nukleus dengan menyerap neutron yang berlebihan.
Controls the rate of nuclear fission by absorbing excessive neutrons.
- B Memperlahankan kelajuan neutron.
Slows down the speed of neutrons.
- C Mengelakkan kebocoran sinaran radioaktif.
Prevents the leakage of radioactive radiation.
- D Menyerap haba yang terbebas daripada tindak balas nuklear.
Absorbs the heat released by the nuclear reaction.

- 14 Antara berikut, yang manakah **bukan** faktor yang perlu diambil kira bagi melaksanakan pembinaan stesen jana kuasa nuklear?

*Which of the following is **not** the factor to be considered when building nuclear power station?*

- A Kehabisan bahan api fosil.
Running out of fossil fuel.
- B Stesen jana kuasa nuklear yang dibina perlu berdekatan kawasan perumahan.
Nuclear power station has to be built near residential area.
- C Kesan pencemaran oleh tenaga nuklear adalah lebih rendah.
The pollution effects from nuclear energy is lower.
- D Kadar tenaga yang dikeluarkan oleh sumber tenaga nuklear adalah lebih besar.
The rate of energy production by source of nuclear energy is greater.


- 15 Di manakah lokasi yang sesuai untuk melupuskan bahan buangan radioaktif?
Where is the appropriate location for radioactive waste disposal?
- A Hutan
Jungle
 - B Sungai
River
 - C Kawasan pedalaman
Rural area
 - D Bekas bawah tanah yang diliputi plumbum
Underground container covered lead

- 16 Antara berikut, yang manakah disebabkan oleh penyebaran sinaran radioaktif?
Which of the following is caused by the spread of radioactive radiation?
- A Hepatitis B
Hepatitis B
 - B Kebakaran
Fire
 - C Kekacatan fetus
Deformation of foetus
 - D Peningkatan degupan jantung
Increase heartbeat

Kertas 2

Bahagian B

- 1 Rajah 1 menunjukkan aliran gas sejuk yang melalui sebuah reaktor nuklear
Diagram 1 shows the flow of cold gas through a nuclear reactor.



Rajah 1/ Diagram 1

- (a) Label yang manakah merupakan kawasan berlakunya proses pembelahan tenaga nuklear?
Which label is the region where the nuclear fission process occurs?

[1 markah/mark]

- (b) Nyatakan perubahan tenaga yang berlaku di dalam reaktor nuklear.
State the energy changes that occur in a nuclear reactor.

[1 markah/mark]

- (c) Nyatakan fungsi
State the function of
(i) kondenser/ condenser:

[1 markah/mark]


- (ii) moderator grafit :
graphite moderator

[1 markah/mark]

- (d) Apakah faktor yang dipertimbangkan bagi mendirikan sebuah stesen jana kuasa nuklear?
What factor is considered in establishing a nuclear power station?

[2 markah/marks]

- 2 Rajah 2 menunjukkan proses akhir yang berlaku dalam sebuah stesen jana kuasa elektrik.
Diagram 2 shows the final process that occurs in an electric power station.



Rajah 2/ Diagram 2

- (a) Berdasarkan Rajah 2, apakah bahan utama yang digunakan dalam penghasilan tenaga elektrik?
Based on Diagram 2, what are the main materials used in the production of electricity?

[1 markah/mark]

- (b) Nyatakan proses yang berlaku di dalam reaktor nuklear.

State the processes that occur in a nuclear reactor.

[1 markah/mark]

- (c) Tulis BENAR atau PALSU bagi pernyataan di bawah.

Write TRUE or FALSE for the statements below.

	Pernyataan <i>Statement</i>	BENAR/ PALSU <i>TRUE/ FALSE</i>
(i)	Penghasilan tenaga elektrik pada stesen jana kuasa nuklear adalah berdasarkan konsep aruhan elektromagnet. <i>The production of electrical energy at nuclear power station is based on the concept of electromagnetic induction.</i>	
(ii)	Lokasi stesen jana kuasa nuklear perlu dibina berhampiran dengan kediaman penduduk. <i>The location of the nuclear power station should be built close to residents' homes.</i>	

[2 markah/marks]

- (d) Apakah manfaat yang diperolehi daripada penggunaan tenaga nuklear?

What is the benefit derived from the use of nuclear energy?

[2 markah/marks]

- 3 Tenaga nuklear mendatangkan pelbagai kebaikan kepada kehidupan harian kita. Namun, sekiranya bahan nuklear tidak dikendalikan dengan cermat, kesannya akan menjejaskan kesihatan dan mengancam nyawa semua hidupan.

Nuclear energy brings a lot of benefits to our lives. However, if the nuclear substances are not handle properly, it can affect the health and threaten life of all living things.

Rajah 3 menunjukkan kesan penyebaran radiasi daripada ujian nuklear ke atas manusia.

Diagram 3 shows the impacts of radiation spread from nuclear test on human beings.



Loya
Nausea



Katarak
Cataract



Keguguran rambut
Hair loss

Rajah 3/ Diagram 3

- (a) Apakah jenis kesan penyebaran radiasi yang ditunjukkan dalam Rajah 3?

What is the type of impact of radiation spread shown in Diagram 3?

[1 markah/mark]

- (b) Selain daripada contoh-contoh dalam Rajah 3, berikan **satu** contoh lain kesan penyebaran radiasi terhadap manusia.

*Apart from the examples in Diagram 3, give **one** more example of the impact of radiation spread on human beings.*

[1 markah/mark]

- (c) Terangkan **dua** cara mengendalikan bahan radioaktif bagi mengelakkan kesan negatif terhadap kesihatan seseorang.

*Explain **two** ways of handling radioactive substances to avoid negative impacts on someone's health.*

[4 markah/marks]

Bahagian C


- 4 (a) Bencana gempa bumi dan tsunami yang melanda Jepun pada tahun 2011 telah menyebabkan kebocoran radiasi di Stesen Jana Kuasa Tenaga Nuklear Fukushima I. Terangkan kesan tragedi yang berlaku tersebut.

The earthquake and tsunami disaster that hit Japan in 2011 cause radiation leakage at Fukushima I Nuclear Power Station.

Explain the effects of the tragedy that happened.

[4 markah/marks]

- (b) Rajah 4 menunjukkan dua proses penghasilan tenaga nuklear.
Diagram 4 shows two processes to produce nuclear energy.



Berdasarkan Rajah 4, jelaskan tentang kedua-dua proses itu.

Based on Diagram 4, explain both processes.


Jawapan anda perlu mengandungi aspek berikut:

Your answers must include the following aspects:

- Mengenal pasti kedua-dua proses.
Identifying both processes. [1 markah/mark]
- Mengenal pasti **dua** ciri sepunya.
*Identifying **two** similar characteristics.* [2 markah/marks]
- Nyatakan **dua** perbezaan proses ini.
*State **two** differences of these processes.* [2 markah/marks]
- Nyatakan **satu** kegunaan tenaga nuklear yang dihasilkan.
*State **one** use of nuclear energy produced.* [1 markah/mark]

Tingkatan 4

- 5 Rajah 5 menunjukkan satu sistem di stesen jana kuasa tenaga nuklear.
Diagram 5 shows a system in a nuclear power station.



- Huraikan perubahan tenaga nuklear kepada tenaga elektrik.
Describe the conversion of nuclear energy to electrical energy. [6 markah/marks]
 - Jelaskan fungsi rod pengawal dan moderator grafit yang terdapat di dalam reaktor.
Explain the functions of control rods and graphite moderator found in reactor. [2 markah/marks]
 - Berikan definisi pembelahan nukleus.
Define nuclear fission. [2 markah/marks]
 - Dinding reaktor diperbuat daripada konkrit plumbum yang tebal. Jelaskan mengapa konkrit plumbum yang tebal digunakan.
The wall of the reactor is made of thick lead concrete. Explain why thick lead concrete is used. [2 markah/marks]
- 6 Di negara maju, tenaga nuklear digunakan secara meluas untuk menjana tenaga elektrik.
In developed countries, nuclear energy is widely used to generate electricity.
- Nyatakan maksud tenaga nuklear.
State the meaning of nuclear power. [1 markah/mark]


- (ii) Selain daripada penjaan tenaga elektrik, apakah manfaat yang diperolehi daripada penjaan tenaga nuklear?

Apart from generating electricity, what are the benefits obtained from nuclear power generation?

[1 markah/mark]

- (b) Rajah 6.1 menunjukkan sebahagian daripada komponen-komponen utama di dalam sebuah loji jana kuasa nuklear.

Diagram 6.1 shows some of the main components in a nuclear power plant.



Rajah 6.1/ Diagram 6.1

Nyatakan fungsi turbin dan penjana elektrik.
State the function of turbine and electric generator.

[2 markah/marks]

- (c) Rajah 6.2 menunjukkan satu pakaian khas yang digunakan oleh pekerja keselamatan ketika berlakunya kebocoran sisa radiasi di kawasan loji jana kuasa nuklear.

Diagram 6.2 shows a special outfit used by security workers in the event of a radioactive waste leak in a nuclear power plant area.



Rajah 6.2/ Diagram 6.2

Berdasarkan Rajah 6.2, apakah unsur logam yang terdapat di dalam pakaian itu? Jelaskan kesan buruk yang akan berlaku kepada pekerja tersebut sekiranya pakaian tersebut tidak mengandungi unsur logam tersebut.

Based on Diagram 6.2, what metal elements are found in the clothes?

Explain what adverse effects will occur if the clothing does not contain the metal element.

[4 markah/marks]

- (d) Penjaan tenaga elektrik daripada tenaga nuklear dilaksana secara meluas di seluruh dunia. Antara faktor-faktor yang diambil kira adalah seperti berikut:

Electricity generation from nuclear energy is widely practiced throughout the world. Among the factors that are taken into account are as follows:

- Peningkatan kos bahan api
Increase in fuel costs
- Impak pencemaran alam sekitar
Impact of environmental pollution
- Pembebasan tenaga haba
Release of thermal energy
- Lokasi jana kuasa yang bersesuaian
Appropriate power location

Sekiranya negara kita berhasrat mendirikan stesen jana kuasa nuklear, adakah ia merupakan satu tindakan yang wajar? Berikan alasan anda.

If our country intends to build a nuclear power station, is it a reasonable action? Give your reasons.

[4 markah/marks]

RUANG JAWAPAN BAHAGIAN C

BAB
1


Mikroorganisma
Microorganisms



LATIHAN INTENSIF

Kertas 1

- 1 Rajah 1 menunjukkan pengelasan mikroorganisma.
Diagram 1 shows the classification of microorganisms.




Rajah 1/ Diagram 1

Antara contoh K dan L berikut, yang manakah betul?
Which of the following examples of K and L is correct?

	K	L
A	Yis/ Yeast	Mukor/ <i>Mucor</i>
B	<i>Spirogyra</i> sp.	<i>Paramecium</i> sp.
C	<i>Paramecium</i> sp.	Yis/ Yeast
D	Mukor/ <i>Mucor</i>	<i>Spirogyra</i> sp.

- 2 Rajah 2 menunjukkan sejenis mikroorganisma
Diagram 2 shows a type of microorganism.




Rajah 2/ Diagram 2


Bagaimanakah mikroorganisma ini membiak?
How does this microorganism reproduce?

- A Pertunasan
Budding
- B Belahan dedua
Binary fission
- C Konjugasi
Conjugation
- D Menjangkiti sel perumah
Infect host cells

- 3 Mikroorganisma yang manakah membiak melalui pembentukan spora?
Which microorganisms reproduces through spore formation?



- 4 Rajah 3 menunjukkan sejenis alga.
Diagram 3 shows a type of algae.




Rajah 3/ Diagram 3

Antara bahagian A, B, C atau D, yang manakah terlibat dalam fotosintesis?
Which part A, B, C or D, involved in photosynthesis?

- 5 Antara berikut, organisma manakah yang hanya boleh dilihat dengan menggunakan mikroskop elektron?
Which of the following organisms can only be seen using an electron microscope?

- A Protozoa
Protozoa
- B Yis
Yeast
- C Virus
Viruses
- D Alga
Algae


- 6 Rajah 4 menunjukkan beberapa organ dalaman manusia.
Diagram 4 shows some of the internal organs in humans.



Rajah 4/ Diagram 4

Mikroorganisma manakah dapat dijumpai di P?
Which microorganism can be found in P?


- A *Escherichia coli*
B *Spyrogyra* sp.
C *Staphylococcus* sp.
D *Corynebacterium* sp.
- 7 Rajah 5 menunjukkan empat piring Petri P, Q, R dan S disimpan dalam gelap selama tiga hari pada suhu yang berlainan.
Diagram 5 shows four Petri dishes, P, Q, R and S that are kept in the dark for three days at different temperatures.



Rajah 5/ Diagram 5

Piring Petri yang manakah akan menunjukkan bilangan koloni bakteria paling banyak?
Which Petri dish will show the highest number of bacterial colonies?

- A P
B Q
C R
D S
- 8 Rajah 6 menunjukkan struktur asas bakteria.
Diagram 6 shows the basic structure of a bacterium.



Rajah 6/ Diagram 6

Struktur manakah, A, B, C atau D, yang membantu pergerakan bakteria itu?
Which structure, A, B, C or D, helps in the movement of the bacterium?


- 9 Situasi yang manakah menyebabkan sekeping roti ditumbuhi mukor dengan lebih cepat?
Which situation causes a slice of bread to be grown with *mucor* the fastest?

- A Dibakar
Toasted
B Dipercik dengan air
Sprinkled with water
C Disimpan dalam peti sejuk
Kept in the refrigerator
D Diletak di bawah cahaya matahari
Placed under the sunlight



Soalan 9

- 10 Rajah 7 menunjukkan satu cara pembiakan bagi bakteria.
Diagram 7 shows a way of reproduction for bacteria.



Rajah 7/ Diagram 7

Apakah yang berlaku di P dan Q?
What happens at P and Q?

	P	Q
A	Pertemuan antara dua sel Meeting between two cells	Pembentukan tiub konjugasi Conjugation tube formation
B	Pembahagian sitoplasma Division of cytoplasm	Pemindahan bahan genetik Transfer of genetic materials
C	Pembahagian bahan genetik Division of genetic materials	Pertemuan antara dua sel Meeting between two cells
D	Pembentukan tiub konjugasi Conjugation tube formation	Pemindahan bahan genetik Transfer of genetic materials

- 11 Jadual 1 menunjukkan keadaan campuran agar agar nutrien dan bakteria dalam tabung uji P, Q, R dan S.

Table 1 shows the condition of the mixture of nutrient agar and bacteria in test tubes P, Q, R and S.

Tabung uji Test tube	Nilai pH ph values	Suhu (°C) Temperature (°C)
P	3	26
Q	7	26
R	3	36
S	7	36

Jadual 1/ Table 1


Campuran dalam tabung uji manakah yang paling keruh?

Mixture in which test tubes is the cloudiest?

- A P B Q
C R D S

- 12 Rajah 8 menunjukkan hasil eksperimen yang mengkaji kesan nilai pH terhadap pertumbuhan bakteria *Bacillus subtilis* selepas 48 jam.

Diagram 8 shows the results of an experiment to study the effect of pH value on the growth of *Bacillus subtilis* bacteria after 48 hours.



Rajah 8/ Diagram 8

Apakah kesimpulan yang boleh dibuat di akhir eksperimen?

What conclusion can be drawn at the end of the experiment?

- A Pertumbuhan bakteria sesuai pada pH berasid.
Bacterial growth is suitable at acidic pH.
B Pertumbuhan bakteria optimum pada pH neutral.
Bacterial growth is optimal at neutral pH.
C Keadaan berasid tidak mempengaruhi pertumbuhan bakteria.
Acidic conditions do not affect bacterial growth.
D Lebih banyak pertumbuhan bakteria pada Q daripada P.
Bacterial growth in Q is more than that of P.

- 13 Antara yang berikut, mikroorganisma manakah dipadankan betul dengan faedahnya?

Among the following, which microorganism is correctly matched with its benefits?

	P	Q
A	Yis Yeast	Pembuatan minuman kultur Making cultured drink
B	<i>Lactobacillus subtilis</i>	Pendenitritan Nitrification
C	<i>Penicillium chrysogenum</i>	Pembuatan vaksin Making vaccine
D	<i>Bifidobacteria</i> sp.	Pencernaan haiwan Animal digestion

- 14 Antara berikut, manakah yang betul tentang larutan pembersih ekoenzim?

Which of the following is correct about eco-enzyme cleaning solutions?

- A Mengemulsi lemak dan gris kepada buih
Emulsifies fat and grease into foam
B Perlu menyental dengan kuat
Requires strong scrubbing
C Dihasilkan dari bahan kimia
Made from chemicals
D Kos penghasilan rendah
Low production cost

- 15 Rajah 9 menunjukkan cecair X disapu pada luka seorang individu.

Diagram 9 shows liquid X is applied on the wound of an individual.



Rajah 9/ Diagram 9

Apakah cecair X itu?

What is solution X?


- A Povidone
B Clotrimazole
C Penisilin/ Penicillin
D Hidrogen peroksida/ Hydrogen peroxide

Kertas 2

Bahagian A

- 1 Rajah 1.1 menunjukkan satu eksperimen untuk mengkaji kesan penisilin ke atas pertumbuhan bakteria.

Diagram 1.1 shows an experiment to study the effect of penicillin on the growth of bacteria.



Rajah 1.1/ Diagram 1.1

- (a) Berdasarkan Rajah 1.1, bandingkan luas kawasan jernih yang mengelilingi kertas turas A dan kertas turas B.

Based on Diagram 1.1, compare the area of the clear region around filter papers A and B.

[1 markah/mark]

- (b) Berikan inferens bagi jawapan di (a).
Give inference for the answer in (a).

[1 markah/mark]

- (c) Nyatakan pemboleh ubah bergerak balas dalam eksperimen ini.
State the responding variable in this experiment.

[1 markah/mark]

- (d) Penisilin merupakan sejenis antibiotik. Berdasarkan eksperimen ini, nyatakan definisi secara operasi bagi antibiotik.
Penicillin is an antibiotic. Based on this experiment, state the operational definition of antibiotic.

[1 markah/mark]

- (e) Rajah 1.2 menunjukkan satu penyakit.
Diagram 1.2 shows a disease.




Rajah 1.2/ Diagram 1.2

Mengapakah penyakit itu dirawat menggunakan penisilin?
Why is the disease treated using penicillin?

[1 markah/mark]

- 2 Rajah 2 menunjukkan keputusan yang diperoleh oleh seorang murid dalam suatu eksperimen untuk mengkaji faktor yang mempengaruhi pertumbuhan mikroorganisma.

Diagram 2 shows the results obtained by a student in an experiment to study the factor that affects the growth of microorganism.



Rajah 2/ Diagram 2

- (a) Berdasarkan Rajah 2, nyatakan
Based on Diagram 2, state

Instruct the victim to cough forcefully
- D Melakukan tekanan dada pada mangsa
Perform chest compressions on the victim

- 5 Rajah 3 menunjukkan seorang pesakit COVID-19 yang sedang menerima rawatan di sebuah hospital.

Diagram 3 shows a COVID-19 patient receiving treatment in a hospital.




Rajah 3/ Diagram 3

Apakah termometer yang sesuai digunakan untuk menyukat suhu badan pesakit tersebut?

What thermometer is suitable to measure the patient's body temperature?

- A Termometer makmal
Laboratory thermometer
 - B Termometer klinik
Clinical thermometer
 - C Termometer inframerah
Infrared thermometer
 - D Termometer rektal
Rectal thermometer
- 6 Rajah 4 menunjukkan salah satu kaedah untuk mengukur bilangan degupan jantung seorang murid dalam masa seminit.

Diagram 4 shows one of the methods for measuring the number of heartbeats for a student in a minute.



Rajah 4/ Diagram 4

Antara berikut, yang manakah alasan paling sesuai mengapa kawasan X dipilih?

Which of the following is the most appropriate reason why area X is chosen?

- A Bilangan arteri paling banyak
The most number of arteries
- B Arteri paling dekat dengan jantung
Arteries are closest to the heart
- C Saiz arteri paling besar di kawasan berkenaan
The largest artery in the area
- D Arteri terletak sangat dekat dengan permukaan kulit
Arteries are very close to the surface of the skin

- 7 Berat badan Puan Siti ialah 89 kg dan ketinggiannya ialah 1.60 m.

Mrs Siti's weight is 89 kg, and her height is 1.60 m.

$$\left[\text{BMI} = \frac{\text{Jisim/ Mass}}{\text{Ketinggian}^2 / \text{Height}^2} \right]$$

Antara langkah berikut, yang manakah boleh membantu Puan Siti mencapai berat badan yang sihat?

Which of the following steps can help Mrs Siti achieve a healthy weight?

- A Mengurangkan pengambilan makanan yang direbus
Reduce intake of boiled foods
- B Mengambil makanan tinggi lemak tepu
Consume foods high in saturated fat
- C Makan mengikut waktu yang tetap
Eat at fixed times
- D Makan lebih banyak makanan manis
Eat more sugary foods

- 8 Antara yang berikut, yang manakah aplikasi Teknologi Hijau?

Which of the following is the application of Green Technology?


A



B



C




D



- 9 Apakah kesan utama peningkatan gas rumah hijau terhadap alam sekitar?
What is the main effect of the increase in greenhouse gases on the environment?
- A Kenaikan paras air laut
Rising of sea levels
- B Penurunan suhu global
Decrease in global temperature
- C Peningkatan kadar fotosintesis
Increase in photosynthesis rate
- D Pengurangan kesan rumah hijau
Reduction of the greenhouse effect

- 10 Rajah 5 menunjukkan rajah skema penentuan jantina anak.
Diagram 5 shows schematic diagram to determine of the sex of a child.



Rajah 5/ Diagram 5

Pilih padanan yang betul bagi gamet M dan genotip anak N.
Choose the correct match for gamete M and genotype of offspring N.

	Gamet M Gamete M	Anak N Offspring N
A	23 + X	44 + XX
B	22 + Y	44 + XX
C	22 + XY	44 + XY
D	22 + X	44 + XY

- 11 Antara yang berikut, yang manakah merupakan ciri yang diwarisi secara genetik?
Which of the following is an inherited genetic trait?
- A Lesung pipit
Dimple
- B Jisim badan
Body weight
- C Parut pada kulit
Scars on the skin
- D Warna rambut akibat pewarna rambut
Hair colour due to dye

- 12 Rajah 6 menunjukkan rangka seekor burung.
Diagram 6 shows the skeleton of a bird.




Rajah 6/ Diagram 6

Apakah yang membezakan antara tulang burung dengan haiwan darat yang lain?
What is the difference between the bones of birds and other land animals?

- A Tulang berongga yang ringan dan kuat
Light and strong hollow bones
- B Rangka dalam yang lebih kecil
Smaller endoskeleton
- C Tulang belakang yang melengkung bagi menampung berat beban
Curved spine to support body weight
- D Lengkungan pelvis dan pektoral yang kuat untuk menyokong berat badan
Strong pelvic and pectoral girdles to support body weight

- 13 Akmal baru sahaja menjalani pemeriksaan kesihatan di sebuah hospital pakar. Hasil daripada pemeriksaan, doktor mengesahkan kelenjar yang ditunjukkan dalam Rajah 7 miliknya sudah tidak berfungsi.
Akmal had just undergone a medical examination at a specialist hospital. The results of the examination, the doctor confirmed that the gland shown in Diagram 7 is no longer functioning.



Rajah 7/ Diagram 7

Apakah yang akan terjadi sekiranya kelenjar tersebut dibuang?
What will happen if the gland is removed?

- A Kemandulan
Infertility
- B Pertumbuhan terbantut
Stunted growth
- C Aras gula dalam darah meningkat
Blood sugar levels increase
- D Air berlebihan tidak dapat disingkirkan
Excess water cannot be excreted

- 14 Maklumat berikut menunjukkan kesan terhadap kesihatan badan akibat pengambilan bahan X secara berlebihan.

The following information shows the effects on body health due to excessive consumption of substance X.

- Ulser perut
Stomach ulcer
- Sirosis hati
Liver cirrhosis
- Kegagalan jantung
Heart failure

Apakah X?

What is X?

- | | |
|--|--|
| A Alkohol
<i>Alcohol</i> | B Dadah
<i>Drug</i> |
| C Analgesik
<i>Analgesic</i> | D Antibiotik
<i>Antibiotic</i> |

- 15 Rajah 8 menunjukkan K, L, M dan N yang mewakili unsur-unsur dalam Jadual Berkala Unsur Moden.

Diagram 8 shows K, L, M and N represent some elements that can be find in Modern Periodic Table.

4 K	11 L	17 M	18 N
---------------	----------------	----------------	----------------

Rajah 8/ Diagram 8


Antara pasangan unsur berikut, yang manakah boleh membentuk bahan ion yang stabil?

Which of the following pair of elements can form a stable ion?

- | | |
|------------------------------------|------------------------------------|
| A M dan N
<i>M and N</i> | B K dan L
<i>K and L</i> |
| C K dan N
<i>K and N</i> | D L dan M
<i>L and M</i> |

- 16 Rajah 9 menunjukkan suatu tindak balas kimia selepas 2 minggu.

Diagram 9 shows a chemical reaction after 2 weeks.



Rajah 9/ Diagram 9

Antara berikut, yang manakah benar tentang sudu besi dan sudu besi berkarat?

Which of the following are correct about iron spoon and rusted iron spoon?

	Sudu besi <i>Iron spoon</i>	Sudu besi berkarat <i>Rusted iron spoon</i>
A	Atom <i>Atom</i>	Molekul <i>Molecule</i>
B	Atom <i>Atom</i>	Ion <i>Ion</i>
C	Molekul <i>Molecule</i>	Ion <i>Ion</i>
D	Molekul <i>Molecule</i>	Atom <i>Atom</i>

- 17 Antara berikut, yang manakah aloi?

Which of the following is an alloy?

- | | |
|--|--|
| A Magnesium
<i>Magnesium</i> | B Kuprum
<i>Copper</i> |
| C Aluminium
<i>Aluminium</i> | D Duralumin
<i>Duralumin</i> |

- 18 Rajah 10 menunjukkan beberapa radas makmal.

Diagram 10 shows some laboratory apparatus.



Rajah 10/ Diagram 10

Apakah jenis bahan yang digunakan dalam penghasilan radas makmal di atas?

What type of material is used in the production of the laboratory apparatus above?

- | |
|--|
| A Kaca borosilikat
<i>Borosilicate glass</i> |
| B Kaca soda kapur
<i>Soda-lime glass</i> |
| C Kaca plumbum
<i>Lead glass</i> |
| D Kaca lutsinar
<i>Transparent glass</i> |

- 19 Rajah 11 menunjukkan sejenis herba yang sering digunakan dalam perubatan tradisional.

Diagram 11 shows a type of herb that is commonly used in traditional medicine.



Rajah 11/ Diagram 11

Apakah manfaat kesihatan yang diperoleh daripada herba ini?

What is the health benefit obtained from the herb?

- A Menghilangkan masalah sukar tidur
Relieves insomnia
- B Mengurangkan kadar metabolisme
Reduces metabolism rate
- C Menghilangkan angin dalam badan
Relieves bloatedness
- D Menurunkan tekanan darah
Reduces blood pressure

20 Zamani telah disengat oleh seekor lebah yang mempunyai sengatan berasid.

Antara bahan berikut, yang manakah paling sesuai disapukan pada tempat sengatan tersebut?

Zamani was stung by a bee that had an acidic sting.

Which of the following substances is most suitable to apply to the sting site?

- | | |
|-----------------------------------|----------------------------------|
| A Cuka
<i>Vinegar</i> | B Ubat gigi
<i>Toothpaste</i> |
| C Jus lemon
<i>Lemon juice</i> | D Asam jawa
<i>Tamarind</i> |

21 Seorang penunggang motosikal memecut pada kelajuan 20 m s^{-1} dan mengambil masa 40 saat untuk berhenti. Berapakah pecutannya?

A motorcyclist speeds up at a speed of 20 m s^{-1} and takes 40 seconds to stop. What is his acceleration?

- A -20 m s^{-2}
- B 20 m s^{-2}
- C -0.5 m s^{-2}
- D 0.5 m s^{-2}

22 Antara berikut, yang manakah menunjukkan kesan inersia dalam kehidupan?

Which of the following shows the effect of inertia in life?

A



B



C




D



23 Rajah 12 menunjukkan sebuah stesen jana kuasa nuklear.

Diagram 12 shows a nuclear power station.



Rajah 12/ Diagram 12


Antara berikut, yang manakah perlu diikuti oleh pekerja yang bekerja di stesen jana kuasa itu?

Which of the following must be followed by the workers who work at the power station?

- A Mensterilkan tangan dan kaki setiap kali meninggalkan stesen jana kuasa
Sanitise hands and feet when leaving the power station
- B Memakai cermin mata
Wear spectacles
- C Memakai sut pelindung yang dilapisi dengan plumbum
Wear protective suits layered with lead
- D Mensterilkan seluruh badan selepas bekerja
Sterilise whole body after work

24 Rajah 13 menunjukkan dua jenis makanan.

Diagram 13 shows two types of food.



Rajah 13/ Diagram 13


Antara mikroorganisma berikut, yang manakah digunakan untuk menghasilkan makanan itu?

Which of the following microorganisms is used to produce the food?

- A Bakteria
Bacteria
- B Alga
Algae
- C Yis
Yeast
- D Protozoa
Protozoa

- 25 Rajah 14 menunjukkan eksperimen untuk mengkaji kesan kepekatan antibiotik terhadap pertumbuhan bakteria.

Diagram 14 shows an experiment to study the effect of concentration of antibiotic on bacterial growth.



Rajah 14/ Diagram 14

Antara pernyataan berikut, yang manakah benar tentang eksperimen ini?

Which of the following statements is true about the experiment?

- A Kawasan jernih ialah kawasan tanpa nutrien.
The clear areas are areas without nutrients.
- B Kepekatan antibiotik pada kertas turas A lebih tinggi berbanding B.
The concentration of antibiotic on filter paper A is higher than that of B.
- C Kertas turas C mengandungi kepekatan antibiotik paling tinggi.
Filter paper C contains the highest concentration of antibiotic.
- D Kertas turas A, B dan C telah direndam dalam larutan antibiotik 20%.
Filter papers A, B and C were soaked in 20% antibiotic solution.

- 26 Jadual 1 menunjukkan nilai kalori bagi jenis makanan yang berbeza.

Table 1 shows the calorific value of different types of food.

Makanan Food	Nilai kalori (kJ) Calorific value (kJ)
1 pinggan nasi ayam 1 plate of chicken rice	549
1 mangkuk mi sup daging 1 bowl of beef soup noodles	410
1 potong tembikai 1 slice of watermelon	35
1 potong betik 1 slice of papaya	55
1 gelas jus durian belanda 1 glass of soursop juice	311

Jadual 1/ Table 1

Seorang murid memerlukan kira-kira 700 kJ kalori pada hari ini. Makanan yang manakah dapat memenuhi keperluannya?

A student needs about 700 kJ of calories today. Which food can meet his needs?

- A Sepinggan nasi ayam dan dua potong betik
A plate of chicken rice and two slices of papaya
- B Semangkuk mi sup daging dan segelas jus durian belanda
A bowl of beef soup noodles and a glass of soursop juice
- C Sepinggan nasi ayam dan sepotong tembikai
A plate of chicken rice and a slice of watermelon
- D Semangkuk mi sup daging dan sepotong betik
A bowl of beef soup noodles and a slice of papaya

- 27 Anak benih yang manakah menunjukkan pertumbuhan subur selepas dua minggu?

Which seedling shows healthy growth after two weeks?

- A
-
- B
-
- C
-
- D
-


- 28 Antara mikroorganisma berikut, yang manakah digunakan untuk menghasilkan bebola lumpur bagi merawat air sungai yang tercemar?

Which of the following microorganisms is used to produce the mud balls to treat polluted river?

- A Yis B Alga
Yeast Algae
C Protozoa D Bakteriofaj
Protozoa Bacteriophage

- 29 Satu eksperimen dijalankan untuk menentukan biochemical oxygen demand (BOD) di zon berlainan di dalam sebuah kolam besar. Rajah 15 menunjukkan graf kepekatan oksigen terlarut di zon A, B, C dan D.

An experiment is carried out to determine the biochemical oxygen demand (BOD) of different zones in a big pond. Diagram 15 shows the graph of concentration of dissolved oxygen in zones A, B, C and D.



Rajah 15/ Diagram 15

Antara zon A, B, C atau D, yang manakah mempunyai nilai BOD paling tinggi?

Which zone, A, B, C or D, has the highest BOD value?

- 30 Rajah 16 menunjukkan timbunan sampah yang semakin meningkat setiap hari di tapak pelupusan.

Diagram 16 shows a growing pile of waste every day at landfill.



Rajah 16/ Diagram 16

Apakah langkah yang boleh diambil untuk mengurangkan masalah ini?

What step can be taken to reduce this problem?

- A Dibiarkan mereput
Decay
B Jualan Mega
Mega Sales
C Kitar semula
Recycling
D Mengurangkan pembuatan
Reduce manufacturing

- 31 Rajah 17 menunjukkan Tasneem sedang belajar memasak kari ayam daripada ibunya di dapur.

Diagram 17 shows Tasneem is learning how to cook chicken curry from her mother in the kitchen.



Rajah 17/ Diagram 17


Pernyataan yang manakah menerangkan mengapa kentang yang dipotong menjadi kiub kecil masak lebih cepat daripada kentang yang tidak dipotong dengan jisim yang sama?

Which statement explains why potatoes cut into small cubes cook faster than uncut potatoes of the same mass?

- A Kentang kiub kecil mempunyai jisim yang lebih kecil
Potato in small cubes has a smaller mass
B Kentang kiub kecil mempunyai jumlah luas permukaan yang lebih besar
Potato in small cubes has a larger total surface area
C Kentang kiub kecil boleh menjadikan kari lebih sedap
Potatoes in small cubes can make curry tastier
D Kentang kiub kecil mempunyai jumlah kentang yang lebih banyak
Potatoes in small cubes have a higher number of potatoes

- 32 Rajah 18 menunjukkan salur darah seorang lelaki yang mengamalkan tabiat pemakanan yang tidak sihat.

Diagram 18 shows the blood vessel of a man who practices unhealthy eating habit.



Rajah 18/ Diagram 18


Apakah langkah yang perlu dilakukan bagi mengatasi masalah tersebut?

What step need to be taken to overcome the problem?

- A Mengurangkan pengambilan lemak tak tepu
Reduce the intake of unsaturated fats
- B Mengamalkan pemakanan berkalori tinggi
Practice a high calorie diet
- C Mengamalkan senaman dua kali seminggu
Exercise twice a week
- D Mengurangkan aktiviti-aktiviti lasak
Reduce extreme activities

- 33 Rajah 19 ialah eksperimen untuk penyediaan etanol.

Diagram 19 is an experiment to prepare ethanol.



Rajah 19/ Diagram 19

Apakah fungsi air kapur?

What is the function of lime water?

- A Sumber untuk menghasilkan yis
Sources for producing yeast
- B Untuk mengesan kehadiran etanol
To detect the presence of ethanol
- C Mengesan kehadiran gas karbon dioksida
To detect presence of carbon dioxide
- D Mengandungi enzim zimase untuk menukarkan glukosa kepada etanol
Contains the enzyme zymase to convert glucose into ethanol

- 34 Pengurusan industri kelapa sawit yang lestari lazimnya mengamalkan konsep sifar sisa dengan menukarkan sisa kelapa sawit kepada produk. Padanan yang manakah betul?

Sustainable management of the oil palm industry usually adopts the concept of zero waste by converting oil palm waste into products. Which pair is correct?

	Bahagian kelapa sawit <i>Part of oil palm</i>	Produk <i>Product</i>
A	Batang pokok <i>Trunk</i>	Permaidani <i>Carpet</i>
B	Pelepah kelapa <i>Coconut fronds</i>	Baja <i>Fertiliser</i>
C	Sabut <i>Pulp</i>	Biogas <i>Biogas</i>
D	Tempurung <i>Shell</i>	Tekstil <i>Textile</i>


- 35 Mengapakah tenaga solar dianggap sebagai sumber tenaga yang lebih mesra alam berbanding bahan api fosil?

Why is solar energy considered a more environmentally friendly energy source compared to fossil fuels?

- A Tenaga solar menghasilkan gas rumah hijau yang sedikit
Solar energy produces fewer greenhouse gases
- B Tenaga solar boleh diperbaharui
Solar energy is renewable
- C Tenaga solar lebih murah daripada bahan api fosil
Solar energy is cheaper than fossil fuels
- D Tenaga solar tidak memerlukan ruang yang luas
Solar energy does not require large spaces

- 36 Rajah 20 menunjukkan sel kimia ringkas yang menggunakan buah lemon. Dua logam berlainan digunakan sebagai elektrod.

Diagram 20 shows a simple chemical cell that uses lemon. Two different metals are used as electrodes.



Rajah 20/ Diagram 20


Antara logam berikut, yang manakah boleh menggantikan paku besi untuk mendapatkan voltan lebih tinggi?

Which of the following metals can replace iron nail to get a higher voltage?

- A Zink
Zinc
- B Karbon
Carbon
- C Stanum
Tin
- D Argentum
Silver

- 37 Rajah 21 menunjukkan pembentukan imej dalam alat X.

Diagram 21 shows the formation of image in device X.




Rajah 21/ Diagram 21

Apakah alat X?


What is device X?

- A Periskop
Periscope
C Mikroskop
Microscope
- B Kanta pembesar
Magnifying glass
D Teleskop
Telescope

38 Antara berikut, yang manakah menunjukkan aras air yang betul?
Which of the following shows the level of water correctly?



39 Rajah 22 menunjukkan sistem jek hidraulik dalam sebuah bengkel.
Diagram 22 shows a hydraulic jack system in a workshop.



Rajah 22/ Diagram 22

Apakah aplikasi prinsip Pascal dalam sistem jek hidraulik ini?

What is the application of Pascal's principle in this hydraulic jack system?

- A Mengukur tekanan udara dalam sistem
Measure air pressure in the system
B Menukar tenaga haba kepada tenaga mekanikal
Convert heat energy into mechanical energy
C Menghasilkan suatu daya yang besar untuk mengangkat beban berat
Produced a big force to lift heavy loads
D Mengawal aliran cecair dalam paip
Control fluid flow in pipes

40 Antara berikut, yang manakah benar mengenai hubungan antara ketinggian orbit satelit dan daya tarikan graviti yang bertindak ke atas satelit?

Which of the following is true about the relationship between the orbital height of a satellite and the gravitational force acting on the satellite?

- A Semakin tinggi orbit, semakin kuat daya tarikan graviti.
The higher the orbit, the stronger the gravitational force.
B Semakin tinggi orbit, semakin lemah daya tarikan graviti.
The higher the orbit, the weaker the gravitational force.
C Daya tarikan graviti tidak berubah mengikut ketinggian orbit.
Gravitational force does not change with orbital height.
D Daya tarikan graviti meningkat apabila ketinggian orbit meningkat.
Gravitational force increases as orbital height increases.

Bahagian A
[20 markah]

Jawab semua soalan.

- 1 Satu eksperimen dijalankan bagi mengkaji variasi berat badan (dalam kg) bagi 35 orang pelajar dalam kelas 5 Hebat. Data yang diperoleh direkodkan dalam Jadual 1.1 seperti berikut.

An experiment is carried out to study the variation of body weight (in kg) among 35 students in 5 Hebat class. The data obtained are recorded in Table 1.1 as follow.

42.1	51.7	50.8	48.1	52.8	38.3	48.3
65.2	55.2	79.2	46.9	60.9	53.7	62.3
75.3	39.5	52.9	63.4	72.1	47.7	53.4
48.1	45.5	68.8	54.6	62.4	54.4	78.1
46.9	73.4	48.5	37.6	51.7	52.8	32.2

Jadual 1.1/ Table 1.1

- (a) Berdasarkan data-data di atas, lengkapkan Jadual 1.2.

Based on the above data, complete Table 1.2.


Berat badan (kg) <i>Body weight (kg)</i>	Bilangan pelajar <i>Number of students</i>
30.0 - 39.9	
40.0 - 49.9	
50.0 - 59.9	
60.0 - 69.9	
70.0 - 79.9	

Jadual 1.2/ Table 1.2

[2 markah/marks]

- (b) Berdasarkan Jadual 1.2, lukis histogram yang menunjukkan bilangan pelajar melawan berat badan.

Based on Table 1.2, draw a histogram to show the number of students against the body weight.



[2 markah/marks]

- (c) Pernyataan berikut menunjukkan kesimpulan yang dibuat oleh sekumpulan murid kelas tersebut.
The following statement shows the conclusions made by a group of students in the class.


Berat badan ialah sejenis variasi selanjar
Body weight is a type of continuous variation

Berdasarkan jadual di 1(a), nyatakan **satu** maklumat untuk menyokong kesimpulan tersebut.
*Based on the table in 1(a), state **one** information to support the conclusion.*

[1 markah/mark]

- 2 Rajah 2.1 dan Rajah 2.2 menunjukkan eksperimen bagi membandingkan kekuatan silinder berongga dan silinder padat.

Diagram 2.1 and Diagram 2.2 show an experiment to compare the strength between hollow and solid cylinder.



Rajah 2.1/ Diagram 2.1

Rajah 2.2/ Diagram 2.2

Keputusan eksperimen ditunjukkan dalam Jadual 1.

The result of the experiment is shown in Table 1.

Jenis silinder <i>Type of cylinder</i>	Bilangan bongkah kayu yang boleh disokong <i>Number of wooden blocks can be supported</i>
Berongga/ <i>Hollow</i>	7
Padat/ <i>Solid</i>	3

Jadual 1/ Table 1

- (a) Nyatakan **satu** pemerhatian yang boleh dibuat berdasarkan keputusan eksperimen di atas.
*State **one** observation that can be made based on the result of the experiment above.*

[1 markah/mark]

- (b) Berdasarkan eksperimen ini, nyatakan pemboleh ubah

Based on this experiment, state the variable that is

(i) dimanipulasikan/ *manipulated*

(ii) bergerak balas/ *responding*

[2 markah/marks]

- (c) Nyatakan **satu** hipotesis bagi eksperimen ini.

*State **one** hypothesis for this experiment.*


[1 markah/mark]

- (d) Apakah kelebihan tulang berongga pada burung?

What is the benefit of hollow bones for birds?

[1 markah/mark]

- 3 Rajah 3.1 dan Rajah 3.2 menunjukkan susunan radas eksperimen untuk mengkaji kesan pasangan logam terhadap penghasilan tenaga elektrik dari sel kimia ringkas.
Diagram 3.1 and Diagram 3.2 show the arrangement of apparatus of an experiment to investigate the effect of metals pairing on production of electrical energy from simple chemical cell.



- (a) Nyatakan **satu** pemerhatian daripada eksperimen di atas.
*State **one** observation from the experiment above.*

[1 markah/mark]

- (b) Apakah bacaan bagi voltmeter dalam Rajah 3.1?
What is the voltmeter reading in Diagram 3.1?

[1 markah/mark]

- (c) Nyatakan faktor yang diubah dalam eksperimen ini.
State the manipulated factor in this experiment.

[1 markah/mark]


- (d) Nyatakan **satu** hipotesis daripada eksperimen ini.
*State **one** hypothesis from the experiment.*

[1 markah/mark]

- (e) Apakah bahan yang boleh anda ambil dari dapur rumah anda untuk menggantikan larutan kuprum(II) sulfat bagi menghasilkan tenaga elektrik?
What is the substance that you can take from your kitchen to replace copper(II) sulphate solution to produce electrical energy?

[1 markah/mark]

- 4 Rajah 4 menunjukkan suatu eksperimen yang dijalankan menggunakan beberapa sampel air dan larutan metilena biru.
Diagram 4 shows an experiment carried out using several water samples and methylene blue solution.



Jadual 2 menunjukkan keputusan bagi eksperimen yang telah dijalankan.

Table 2 shows the results of the experiments that were conducted.

Botol <i>Bottle</i>	Jenis sampel air <i>Type of water sample</i>	Masa yang diambil untuk warna larutan metilena biru luntur (minit) <i>The time taken for the color of the methylene blue solution to fade (minute)</i>
A	Air kolam ikan <i>Fish pond water</i>	10
B	Air sungai <i>River water</i>	5
C	Air suling <i>Distilled water</i>	Warna larutan tidak luntur <i>The color of the solution does not fade</i>

Jadual 2/ Table 2

- (a) Berdasarkan eksperimen di atas,

Based on the experiment above,

- (i) nyatakan tujuan eksperimen.
state the aim of the experiment.

[1 markah/mark]

- (ii) Nyatakan **satu** cara bagaimana anda mengawal pemboleh ubah dimanipulasikan.

*State **one** way how you control the manipulated variable.*

[1 markah/mark]

- (b) Apakah hubungan antara tahap pencemaran air dengan masa yang diambil untuk larutan metilena biru luntur?

What is the relationship between the level of water pollution and the time taken for the methylene blue solution to fade?

[1 markah/mark]

- (c) Pada akhir eksperimen, dapat disimpulkan bahawa semakin tinggi tahap pencemaran air, semakin singkat masa yang diambil untuk warna larutan metilena biru luntur. Dengan menggunakan maklumat dalam Jadual 2, bagaimanakah anda dapat membuktikan bahawa kesimpulan itu adalah tepat?

At the end of the experiment, it can be concluded that the higher the level of water pollution, the shorter the time taken for the colour of the methylene solution to fade blue. Using the information in Table 2, how can you prove that the conclusion is accurate?

[1 markah/mark]

- (d) Berdasarkan Jadual 2, nyatakan definisi secara operasi bagi pencemaran air dari aspek yang diperhatikan dan aspek yang dilakukan.


Based on Table 2, state the operational definition for water pollution based on what have been observed and what have been done in this experiment.

[1 markah/mark]

Bahagian B
[38 markah]

Jawab semua soalan.

- 5 Rajah 5 menunjukkan dua jenis bantuan, P dan Q yang diberikan ketika kecemasan.
Diagram 5 shows two types of help aid, P and Q given during emergencies.



Rajah 5/ Diagram 5

- (a) Berdasarkan Rajah 5, nyatakan situasi kecemasan yang memerlukan bantuan kecemasan P dan Q.
Based on Diagram 5, state the emergency situation that requires emergency aid of P and Q.

P: _____

Q: _____

[2 markah/marks]

- (b) Bezakan antara teknik bantuan kecemasan P dan Q dalam Rajah 5 dari segi tujuan dan kaedah pelaksanaan.
Differentiate between emergency aid techniques P and Q in Diagram 5 in terms of purpose and method of implementation.

[2 markah/marks]

- (c) Nyatakan langkah keselamatan yang perlu diambil oleh pemberi bantuan semasa melakukan teknik Q.
State the safety measures that must be taken by the aid provider when performing the technique Q.


[1 markah/mark]

- (d) Cadangkan cara untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang bantuan kecemasan seperti dalam Rajah 5.

Suggest ways to increase public awareness about emergency aid as in Diagram 5.

[1 markah/mark]

- 6 Rajah 6 menunjukkan proses mensteril botol susu dalam periuk air mendidih.
Diagram 6 shows the process of sterilizing a milk bottle in a pot of boiling water.



Rajah 6/ Diagram 6

- (a) Nyatakan kumpulan mikroorganisma yang boleh menyebabkan penyakit jika botol susu tidak disterilkan.

State the groups of microorganisms that can cause disease if the milk bottle is not sterilized.

[1 markah/mark]

- (b) Terangkan bagaimana air mendidih dapat mensterilkan botol susu.

Explain how boiling water can sterilize milk bottles.

[2 markah/marks]

- (c) Cadangkan **satu** kaedah lain untuk mensterilkan botol susu.

*Suggest another **one** method for sterilizing milk bottles.*

[1 markah/mark]


- (d) Ramalkan **dua** kesan kepada kesihatan bayi jika botol susu tidak disterilkan dengan betul.

*Predict **two** effects on the baby's health if milk bottles are not sterilized properly.*

[2 markah/marks]

- 7 Rajah 7 menunjukkan dua isotop karbon.

Diagram 7 shows two isotopes of carbon.



Rajah 7/ Diagram 7

- (a) Nyatakan definisi isotop.

State the definition of isotope.

[1 markah/mark]

- (b) Nyatakan bilangan proton dan neutron bagi setiap isotop karbon pada Rajah 7.

State the number of protons and neutrons for each isotope of carbon in Diagram 7.

Karbon-12/ Carbon-12: _____

Karbon-14/ Carbon-14: _____

[2 markah/marks]

- (c) Nyatakan **satu** kegunaan isotop karbon-14 dalam bidang arkeologi.

*State **one** use of the isotope carbon-14 in the field of archaeology.*

[1 markah/mark]


- (d) Wajarkan penggunaan sinar gama daripada kobalt-60 untuk mempertingkatkan keselamatan dan jangka hayat sayur-sayuran.

Justify the use of gamma rays from cobalt-60 to enhance the safety and shelf life of vegetables.

[2 markah/marks]

- 8 Rajah 8 menunjukkan graf halaju-masa bagi sebuah troli.

Diagram 8 shows the velocity-time graph of a trolley.



Rajah 8/ Diagram 8

- (a) Berdasarkan Rajah 8, nyatakan jenis gerakan troli bagi setiap selang masa berikut:
Based on Diagram 8, state the type of motion of the trolley for each of the following time intervals:

(i) 10 hingga 30 saat
10 to 30 seconds

(ii) 30 hingga 40 saat
30 to 40 seconds

[2 markah/marks]

- (b) Hitung pecutan troli bagi selang masa 0 hingga 10 saat.
Calculate the acceleration of the trolley for the time interval 0 to 10 seconds.

Rumus/ Formula:

$$a = \frac{v - u}{t}$$


[2 markah/marks]

- (c) Cadangkan **dua** cara untuk meningkatkan pecutan troli dalam eksperimen ini.
Suggest **two** ways to increase the acceleration of the trolley in this experiment.

[2 markah/marks]

- 9 Rajah 9 menunjukkan sisa spesimen daripada satu eksperimen.

Diagram 9 shows the remaining specimens from an experiment.



Rajah 9/ Diagram 9

- (a) Namakan jenis bahan sisa biologi dalam Rajah 9.
Name the type of biological waste material in Diagram 9.

[1 markah/mark]

- (b) Seorang murid melupuskan sisa spesimen tersebut dengan membuangnya ke dalam tong sampah biasa di makmal.
A student disposed of the remaining specimen by throwing it into the regular trash can in the laboratory.

- (i) Nyatakan **satu** risiko daripada tindakan tersebut.
*State **one** risk from the action.*

[1 markah/mark]

- (ii) Cadangkan langkah pembetulan yang perlu diambil.
Suggest corrective measures to be taken.

[2 markah/marks]

- (c) Anda diminta untuk menyediakan satu alat yang boleh melindungi muka anda daripada cecair dari sisa spesimen dengan menggunakan bahan berikut:

You are asked to prepare a tool that can protect your face from liquid from the specimen residue using the following materials:

- Botol minuman plastik lutsinar 1.5L
1.5L transparent plastic drink bottle
- Gelang getah besar
Large rubber band
- Span nipis
Thin sponge
- Pita pelekat
Adhesive tape

Tuliskan langkah-langkah menyediakan alat tersebut.

Write down the steps to prepare the tool.

1. Potong botol minuman plastik secara menegak untuk mendapatkan permukaan melengkung.
Cut the plastic drink bottle vertically to get a curved surface.

2. _____


3. _____

4. _____

5. Kemaskan sambungan dengan pita pelekat agar kukuh dan selamat.
Seal the joints with adhesive tape to make them strong and secure.

[3 markah/marks]

- 10 Rajah 10.1 menunjukkan penghasilan alkohol menggunakan gula melalui satu proses.
Diagram 10.1 shows the production of alcohol using sugar through a process.



Rajah 10.1/ Diagram 10.1

- (a) Namakan proses dalam Rajah 10.1.
Name the process in Diagram 10.1.

[1 markah/mark]


- (b) Nyatakan **satu** sifat fizik alkohol.
*State **one** physical property of alcohol.*

[1 markah/mark]

- (c) Alkohol, terutamanya etanol digunakan secara meluas dalam bidang perubatan. Wajarkan.
Alcohol, especially ethanol is widely used in medicine field. Justify.

[2 markah/marks]

- (d) Anda ingin menghasilkan satu pelita. Dengan menggunakan bahan-bahan dalam Rajah 10.2, lakar tanpa melabel dan terangkan model pelita tersebut.
You want to make a lamp. Using the materials in Diagram 10.2, sketch without labelling and explain the model of the lamp.



Rajah 10.2/ Diagram 10.2

Lakarkan pelita tanpa melabel dalam ruang yang disediakan.
Sketch the lamp without labeling in the space provided.

Terangkan model anda.
Explain your model.

[3 markah/marks]

Bahagian C

[22 markah]


Jawab Soalan 11 dan sama ada Soalan 12 atau Soalan 13.

- 11** Puan Aminah membeli dua jenis kuali yang berbeza di sebuah kedai. Selepas 2 minggu, beliau mendapati kuali yang dibelinya kelihatan seperti dalam Rajah 11.1 dan Rajah 11.2.

Mrs. Aminah bought two different types of woks at a shop. After 2 weeks, she found that the woks she bought was as shown in Diagram 11.1 and Diagram 11.2.



Rajah 11.1/ Diagram 11.1



Rajah 11.2/ Diagram 11.2

Berdasarkan situasi pada Rajah 11.1 dan Rajah 11.2, anda diminta menjalankan satu penyiasatan untuk mengkaji ketahanan kakisan bagi aloi dan logam tulen.

Based on the situation in Diagram 11.1 dan Diagram 11.2, you are asked to conduct an investigation to study the corrosion resistance of alloys and pure metals.

Perancangan anda haruslah mengandungi aspek-aspek berikut:

Your plan should include the following aspects:

- | | |
|--|------------------|
| (a) Pernyataan masalah
<i>Problem statement</i> | [1 markah/mark] |
| (b) Hipotesis
<i>Hypothesis</i> | [1 markah/mark] |
| (c) (i) Faktor yang perlu dikawal
<i>Factor that need to be controlled</i> | [1 markah/mark] |
| (ii) Faktor yang perlu diperhatikan
<i>Factor to be observed</i> | [1 markah/mark] |
| (d) Lakaran susunan radas
<i>Sketch of the apparatus set up</i> | [3 markah/marks] |
| (e) Jangkaan pemerhatian
<i>Expected observation</i> | [1 markah/mark] |
| (f) Dua langkah berjaga-jaga semasa menjalankan eksperimen
<i>Two precautions when conducting experiments</i> | [2 markah/marks] |

- 12 Teknologi pemprosesan makanan digunakan untuk mengatasi masalah kekurangan bekalan makanan di peringkat global.

Food processing technology is utilized to address the global food supply shortage.


- (a) Berikan **dua** contoh makanan yang boleh diproses menggunakan kaedah pendehidran.

*Give **two** examples of foods that can be processed using the dehydration method.*

[2 markah/marks]

- (b) Rajah 12.1 menunjukkan salah satu bahan kimia yang digunakan dalam proses pembuatan makanan.

Diagram 12.1 shows one of the chemicals used in the food manufacturing process.



Rajah 12.1/ Diagram 12.1



Nyatakan kategori bahan kimia K serta peranannya dalam proses pembuatan makanan tersebut.

State the category of chemical K and its role in the food manufacturing process.

[2 markah/marks]

- (c) Rajah 12.2 menunjukkan dua teknologi pemprosesan makanan yang digunakan untuk membolehkan makanan dieksport ke luar negara.

Diagram 12.2 shows two food processing technologies used to enable food to be exported abroad.

Teknologi P <i>Technology P</i>	Teknologi Q <i>Technology Q</i>
	

Rajah 12.2/ Diagram 12.2

Banding bezakan teknologi P dan teknologi Q.

Compare and contrast technology P and technology Q.

[4 markah/marks]

- (d) Hidangan pencuci mulut yang popular di media sosial disediakan dalam saiz yang besar pada harga yang tinggi menjadi pilihan remaja pada masa kini.

Desserts that are popular on social media are available in large sizes at high prices becomes the choice of teenagers today.

Berdasarkan pilihan tersebut, terangkan faktor dan kesan pengambilan pencuci mulut tersebut terhadap kesihatan.

Based on the choices, explain the factors and effects of consuming the dessert on health.


[4 markah/marks]

- 13 Tenaga nuklear menawarkan pelbagai kelebihan dan telah digunakan secara meluas di beberapa negara.
Nuclear energy provides various advantages and has been extensively utilized in several countries.


- (a) Jelaskan **dua** kelebihan tenaga nuklear.
*Explain **two** advantages of nuclear energy.*

[2 markah/marks]

- (b) Rajah 13.1 dan Rajah 13.2 menunjukkan satu tindak balas yang menghasilkan tenaga nuklear.
Diagram 13.1 and Diagram 13.2 shows a reaction that produces nuclear energy.



Rajah 13.1/ Diagram 13.1



Rajah 13.2/ Diagram 13.2

Banding bezakan proses penghasilan nuklear dalam Rajah 13.1 dan Rajah 13.2.
Compare and contrast the reactions in Diagram 13.1 and Diagram 13.2.

[3 markah/marks]

- (c) Negara seperti Amerika Syarikat, Rusia dan Jepun menggunakan tenaga nuklear sebagai sumber tenaga. Nyatakan sebab mengapa negara-negara ini memilih tenaga nuklear sebagai sumber tenaga.
Countries such as the United States, Russia and Japan use nuclear energy as a source of energy. State the reasons why these countries chose nuclear energy as an energy source

[4 markah/marks]

- (d) Malaysia belum bercadang untuk menggunakan tenaga nuklear sebagai sumber tenaga utama. Wajarkan.
Malaysia has no plans to use nuclear energy as the main energy source. Justify

[3 markah/marks]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

JAWAPAN

Tingkatan 4



Langkah Keselamatan di dalam Makmal *Safety Measures in the Laboratory*

Kertas 1

1 A	2 D	3 B	4 D	5 D
6 D	7 B	8 D	9 C	10 D
11 C	12 B	13 D	14 C	15 B
16 C	17 D			

Kertas 2

Bahagian B

- 1 (a) Gogal// Sarung tangan// Baju makmal// Topeng muka
Goggles// Gloves// Lab coat// Face mask
- (b) Pergi segera ke arah pembilas mata dan bilas mata dengan segera.
Go immediately to the eyewash station and rinse the eyes immediately.
- (c) Masukkan ke dalam botol khas yang disediakan di dalam makmal dan bukan dibuang ke dalam singki.
Place in a special bottle in the laboratory and do not throw it into the sink.
- (d) Menyebabkan pencemaran air// Meningkatkan kadar keasidan di dalam air
Caused water pollution// Increase the level of acidity in the water
- (e) – Segera memberitahu guru atau pembantu makmal.
Inform a teacher or laboratory assistant immediately.
- Jadikan kawasan tumpahan sebagai kawasan larangan.
Make the spillage area a restricted zone.
- Sekat tumpahan daripada merebak menggunakan pasir untuk membentuk sempadan
Stop the spillage from spreading by using sand to form a boundary.
- Kaut tumpahan bahan kimia.
Scoop the chemical spillage.
- Buang dengan selamat.
Disposed all of it safely.
- 2 (a) (i) Singki tersumbat dengan bahan sisa eksperimen.
The sink is clogged with experimental waste.
- (ii) Sisa pepejal// Bahan kimia/ Gris/ Minyak/ Cat minyak// Bahan toksik// Logam berat// Bahan sisa organik// Bangkai haiwan
Solid waste// Chemicals/ Grease/ Oil/ Oil paint// Toxic substances// Heavy metals// Organic waste// Animal carcasses

- (b) (i) Bahan sisa biologi dipanaskan pada suhu 121 °C selama 20 minit.
Biological waste is heated at 121 °C for 20 minutes.

- (ii) Pencemaran alam sekitar// Penyebaran penyakit// Membahayakan kesihatan murid dan guru
Environmental pollution// Disease transmission// Endangering the health of students and teachers

- 3 (a) Kelas F. Kebakaran ini melibatkan minyak masak.
Class F. This fire involves cooking oil.

- (b) Serbuk kering/ Karbon dioksida
Dry powder/ Carbon dioxide


- (c) Air tidak dapat memadamkan kebakaran yang melibatkan minyak masak. Air tidak boleh bercampur dengan minyak.
Water cannot extinguish fire involving cooking oil. Water cannot mix with oil.

- 4 (a) P: Air/ *Water*

Q: Buih/ *Foam*

- (b) – Serbuk kering// Karbon dioksida// Buih
Dry powder// Carbon dioxide// Foam
- Menghalang kebakaran daripada merebak// Tidak berisiko mencetuskan letupan akibat penggunaan air// Berkesan dalam mengatasi api yang melibatkan bahan lemak dan minyak
Preventing the fire from spreading// Not at risk of causing an explosion due to the use of water// Effective in tackling fires involving fats and oils

- (c)



Konsep/ *Concept:*

Tindak balas cuka dan serbuk penaik menghasilkan gas karbon dioksida yang boleh memadamkan api kecil.

The reaction of vinegar and baking soda produces carbon dioxide gas, which can extinguish small fires.



Bantuan Kecemasan Emergency Help

Kertas 1

1 C	2 C	3 C	4 C	5 A
6 A	7 C	8 C	9 C	10 D
11 A	12 A	13 B	14 B	

Kertas 2

Bahagian B

- 1 (a) Tekanan dada/ *Chest compression*
 (b) – Jika individu tiada degupan jantung/ denyutan nadi
If an individual has no heartbeat/ pulse
 – Jika individu tidak bernafas
If an individual is not breathing
 – Jika individu tidak memberi respons terhadap rangsangan
If an individual does not respond to stimulus
 (c) – Tulang rusuk mangsa mungkin patah.
The victim's ribs may be fractured.
 – Udara yang dihembus ke dalam mulut mangsa mungkin tidak sampai ke peparunya.
The air that is blown into the victim's mouth may not reach the lungs.
 – Tiada peredaran darah secara buatan dapat dihasilkan.
No artificial blood circulation can be produced.
 (d) – Alihkan mangsa dari tempat renjatan elektrik menggunakan bahan penebat elektrik.
Move the victim away from the source of electric shock using an electrical insulator.
 – Minta pertolongan daripada orang sekeliling.
Seek help from people nearby.
 – Hubungi talian kecemasan 999.
Call the emergency hotline 999.
 – Tunggu bersama mangsa sehingga bantuan tiba.
Stay with the victim until help arrives.
- 2 (a) Lakukan kaedah CPR ke atas mangsa
Perform CPR on the victim
 (b) Untuk memulihkan sistem peredaran darah mangsa supaya oksigen dapat dibekalkan ke sel-sel badan dan otak.
To restore the victim's blood circulatory system so that oxygen can be supplied to the body cells and the brain.
 (c) – Tekanan dada/ *Chest compressions*
 – Hembusan nafas ke mulut mangsa
Mouth-to-mouth resuscitation
 (d) (ii) ✓
 (iii) ✓
- 3 (a) *Heimlich Manoeuvre*
 (b) – Memegang leher dengan kedua-dua belah tangan
Holding the neck with both hands
 – Tidak boleh bercakap atau batuk
Unable to speak or cough
 – Kulit, bibir dan kuku kelihatan kebiruan dan kehitaman
Skin, lips and nails appear bluish or blackish

- Sukar bernafas
Difficulty in breathing
- (c) – Kematian/ *Death*
 – Kerosakan otak/ *Brain damage*
- (d) – Jane perlu berdiri di belakang kerusi/ meja dan bongkokkan badan
Jane needs to stand behind the chair/desk and bend over his body
 – Tolak badannya dengan kuat ke arah kerusi/ meja
Push his body hard toward the chair/desk



Teknik Mengukur Parameter Kesihatan Badan

Techniques of Measuring the Parameters of Body Health

Kertas 1

1 B	2 D	3 A	4 D	5 C
6 B	7 C	8 C	9 C	10 D
11 C	12 D	13 C	14 C	15 B
16 D				


Kertas 2

Bahagian A

- 1 (a) (i) Suhu badan Jessica melebihi julat suhu badan normal/ melebihi 37/ paling tinggi
Jessica's body temperature exceeds normal body temperature range/ exceeds 37/ the highest
 (ii) Jessica mengalami demam.
Jessica has fever.
 (b) (i) 35.0 - 36.1 (terima sebarang nilai dalam julat/ accept any value in the interval)
 (ii) 36.5 - 37.5 (terima sebarang nilai dalam julat/ accept any value in the interval)
 (c) Termometer inframerah akan membolehkan suhu diambil dengan lebih cepat// Suhu diambil tanpa perlu bersentuhan dengan murid.
The infrared thermometer allows temperature to be taken more quickly// Temperature can be measured without physical contact with the students.

Bahagian B

- 2 (a) Titik nadi/ *Pulse point*



- (c) Otot jantung seorang atlet kuat dan dapat mengepam sejumlah darah yang banyak bagi setiap degupan.
An athlete's heart muscle is strong and can pump large amounts of blood for each beat.

- (d) (i) Kadar denyutan nadi seorang bayi lebih tinggi berbanding dengan individu dewasa.
A baby's pulse rate is higher than that of an adult.
- (ii) Metabolisme badan bayi adalah lebih tinggi/ Saiz jantung bayi lebih kecil.
The body metabolism of baby is higher/ The baby's heart is smaller.
- 3 (a) Sfigmomanometer/ *Sphygmomanometer*
- (b) Tekanan darah ialah tekanan yang dikenakan oleh darah pada dinding salur darah semasa peredaran darah.
Blood pressure is the pressure applied by blood on the walls of the blood vessels during blood circulation.
- (c) 120/80 mmHg
- (d) Hipertensi/ *Hypertension*
- (e) Strok// Serangan jantung
Stroke// Heart attack
- (f) Tekanan sistolik ialah tekanan yang dikenakan pada dinding salur darah semasa otot jantung mengecut manakala tekanan diastolik ialah tekanan yang dikenakan pada dinding salur darah apabila otot jantung berehat.
Systolic pressure is the pressure applied on the walls of the blood vessels when the heart muscle contracts whereas diastolic pressure is the pressure applied on the wall of the blood vessels when the heart muscle is resting.

Bahagian C

- 4 (a) Adakah jenis aktiviti fizikal yang berbeza mempengaruhi kadar denyutan nadi manusia?
Do different types of physical activity affect the human pulse rate?
- (b) Kadar denyutan nadi manusia lebih tinggi semasa melakukan aktiviti cergas berbanding dengan dalam keadaan rehat.
The human pulse rate is higher during vigorous activity than at rest.
- (c) (i) Untuk menyiasat hubungan antara jenis aktiviti fizikal dengan kadar denyutan nadi.
To investigate the relationship between the types of physical activity and the pulse rate.
- (ii) – Pemboleh ubah dimanipulasikan: Jenis aktiviti fizikal
Manipulated variable: Types of physical activity
- Pemboleh ubah bergerak balas: Kadar denyutan nadi
Responding variable: Pulse rate
- Pemboleh ubah dimalarkan: Tempoh masa
Constant variable: Time period
- (iii) 1. Seorang murid diminta duduk di kerusi selama dua minit tanpa berbuat apa-apa (dalam keadaan rehat).
A student is asked to sit on a chair for two minutes without doing anything (in a state of rest).
2. Denyutan nadi murid itu diukur selama satu minit.
The student's pulse rate was measured for one minute.

3. Kemudian, murid yang sama diminta berlari selama dua minit. Langkah 2 diulang dengan merekod bacaan denyutan nadi murid itu selepas berlari.
Then, the same student was asked to run for two minutes. Step 2 is repeated by recording the student's pulse after running.
4. Keputusan yang diperoleh direkodkan di dalam jadual.
The results obtained are recorded in the table.

(iv)

Jenis aktiviti <i>Type of activity</i>	Denyutan nadi <i>Pulse rate</i>
Berehat <i>Resting</i>	
Berlari <i>Running</i>	



Teknologi Hijau dalam Melestarikan Alam *Green Technology for Environmental Sustainability*

Kertas 1

- | | | | | |
|------|------|------|------|------|
| 1 B | 2 C | 3 A | 4 C | 5 A |
| 6 A | 7 A | 8 B | 9 D | 10 A |
| 11 C | 12 B | 13 D | 14 C | 15 B |
| 16 A | | | | |

Kertas 2

Bahagian B

- 1 (a) – Kepupusan flora dan fauna
Extinction of flora and fauna
- Tanah runtuh/ *Landslide*
- Banjir kilat/ *Flash flood*
- Kehilangan habitat/ *Loss of habitat*
[Mana-mana dua/ *Any two*]
- (b) – Mengawal aktiviti pembalakan dengan memberi hukuman kepada mereka yang melakukan pembalakan haram.
Control logging activities by imposing fine to those who carry out illegal logging.
- Penanaman semula pokok supaya dapat mengekalkan spesies yang sedia ada.
Replanting trees so that the species that are present can be preserved.
- (c) – Ya/ *Yes*
- Keasidan tanah akan meningkat dan menyebabkan tanah tidak lagi sesuai untuk pertanian.
The acidity of the soil will increase and causes the soil no longer suitable for farming.
- Pencemaran air berlaku akibat baja kimia yang meresap ke dalam tanah dan mengalir ke dalam sungai.
Water pollution happens due to chemical fertilisers that seeps into the soil and then flows into the river.
- 2 (a) (i) Memasang panel solar pada bahagian atap rumah.
Install solar panels on the roof of the house.

- (ii) Tidak membebaskan gas rumah hijau// Tidak mencemarkan alam sekitar
Does not release greenhouse gases// Does not pollute the environment
- (iii) – Penerokaan hutan yang berleluasa akan mengganggu kitaran gas kerana penukaran karbon dioksida kepada oksigen hanya dapat dilakukan oleh tumbuhan melalui fotosintesis.
Massive forest exploration would interfere with the gas cycle as the conversion of carbon dioxide into oxygen can only be done by plants in photosynthesis.
- Penebangan pokok bagi pembukaan tanah akan menyebabkan berlakunya kejadian tanah runtuh, banjir dan kepupusan flora dan fauna.
Deforestation for the purpose of land development would lead to landslides, floods and the extinction of flora and fauna.
- (b) – Penebangan pokok yang berleluasa akan menyebabkan bilangan pokok berkurang.
Deforestation without limit will reduce the number of trees.
- Karbon dioksida dalam atmosfera akan bertambah kerana kurang pokok menjalankan proses fotosintesis.
Carbon dioxide in atmosphere will increase because less trees carry out the process of photosynthesis.

Bahagian C

- 3 (a) Teknologi Hijau ialah pembangunan dan aplikasi produk, peralatan serta sistem untuk memelihara alam sekitar dan alam semula jadi serta meminimumkan atau mengurangkan kesan negatif daripada aktiviti manusia.
Green Technology is the development and application of product, equipment and systems to protect the environment and nature, as well as to minimise and reduce the negative impact of human activities.
- (b) – Sektor tenaga fokus kepada penggunaan tenaga alternatif yang lebih bersih.
The energy sector focuses on the use of cleaner alternative energy.
 - Sektor pertanian dan perhutanan fokus kepada pengawalan kadar gas karbon dioksida di dalam udara.
The agriculture and forestry sector focuses on controlling the level of carbon dioxide gas in the air.
 - Sektor pengangkutan fokus kepada penambahbaikan prasarana pengangkutan yang lebih bersih.
The transport sector focuses on improving cleaner transport infrastructure.
 - Sektor pengurusan sisa dan air sisa fokus kepada meminimumkan pembuangan sisa dan air sisa ke persekitaran.
The waste and wastewater management sector focuses on minimizing the discharge of waste and wastewater into the environment.

- Sektor bangunan fokus kepada pembinaan Bangunan Hijau.
The building sector focuses on the construction of Green Buildings.
- Sektor perindustrian dan pembuatan fokus kepada program kecekapan tenaga dan pengurusan tenaga.
Industrial and manufacturing sectors focus on energy efficiency and energy management programs.
- Sektor teknologi maklumat dan komunikasi fokus kepada pengamalan TMK Hijau dalam pembuatan, reka bentuk, penggunaan serta pelupusan peralatan komputer.
The information and communication technology sector focuses on the practice of Green ICT in the manufacture, design, use and disposal of computer equipment.

[Mana-mana dua/ Any two]

(c) Sektor Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)

Information, Communication and Technology (ICT) sector

Isu: Penggunaan bahan berbahaya

Issue: Use of harmful substances

Cara atasi: Pengamalan TMK hijau

Way to overcome: Practicing green ICT

- (d) – Mengatasi masalah kemusnahan alam sekitar.
Overcome destruction of environment.
- Mengurangkan pengeluaran karbon.
Reduce the emission of carbon.
- Meningkatkan tahap kesihatan dan kehidupan manusia.
Improves human health and lifestyle.
- Menjimatkan penggunaan sumber asli negara dengan menggunakan sumber tenaga boleh baharu.
Conserve the use of country's natural resources by using renewable energy source.

[Mana-mana tiga/ Any three]



Genetik Genetics

Kertas 1

1 A	2 A	3 C	4 A	5 D
6 A	7 C	8 A	9 C	10 D
11 B	12 D	13 D	14 A	15 B
16 C	17 B	18 A	19 D	


Kertas 2

Bahagian A

1 (a)

Jisim (kg) Mass (kg)	35-39	40-44	45-49	50-54	55-59	60-64
Bilangan pelajar Number of students	2	4	6	8	7	3

(b) Bilangan pelajar
Number of students




(c) Variasi selanjar/ Continuous variation

2 (a)

Kumpulan cap ibu jari Group of thumbprints	Lengkung Arch	Gelung Loop	Sepusar Whorl	Komposit Composite
Bilangan pelajar Number of students	4	7	11	8

(b)

